

PERKEMBANGAN PERUSAHAAN BATIK DI KELANTAN, 1948-1982

THE DEVELOPMENT OF THE BATIK INDUSTRY IN KELANTAN, 1948-1982

NIK NUR LYANA DAYINI NIK RASHID & NORASMAHANI HUSSAIN

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11700 Pulau Pinang, Malaysia

Corresponding Author: norasmahani@usm.my

Received: 17th May 2025; Accepted: 15th August 2025

Abstrak

Penulisan ini meneliti perkembangan perusahaan batik di Kelantan dalam tempoh antara tahun 1948 hingga 1982. Kajian terdahulu mengenai industri batik di negeri ini lebih banyak memberi tumpuan kepada aspek teknikal, evolusi teknik, perkembangan teknologi, serta warisan budaya tradisional Kelantan. Namun begitu, kajian yang membincangkan isu ini daripada perspektif sejarah masih kurang dihasilkan. Dalam erti kata lain, kajian ini melihat perusahaan batik sebagai sebahagian daripada naratif sejarah ekonomi negeri Kelantan, bukan sebagai warisan budaya atau seni kraf tangan semata-mata. Sehubungan itu, penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan analisis terhadap dokumen primer dan sekunder yang berkaitan dengan perusahaan batik di Kelantan. Antara sumber primer yang digunakan ialah fail-fail rasmi seperti K 1192/1948 Petition Praying Permission to Erect a Batik Sarong Factory on Lot No. 199 Section 13- Kota Bharu Town, JPK. KN. KOP/024/ BHG.2 Syarikat Kerjasama Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad, M.B. KN (0) 189 Perusahaan Batik, M.B. KN (0) 246 Batik- Perusahaan Batik, PEN - KN. 508/7 Development of Small Scale Industries (Batik Village), YPN. KN 106/1 Perusahaan Batik, PKK 1429, Perkampungan Batik, PKK 1081/2-1, Penubuhan Perkampungan Batik, dan R.I.D.A. 7718, Batek Research Centre @ Kelantan yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan. Manakala, sumber sekunder seperti buku, tesis dan latihan ilmiah pula diperolehi dari Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Hasil kajian mendapati bahawa perusahaan batik di Kelantan telah melalui fasa kegemilangan dan kemerosotan dalam tempoh yang dikaji. Selain itu, para pengusaha batik turut berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Bantuan daripada kerajaan serta agensi-agensi berkaitan telah membantu mereka mengatasi isu seperti kekurangan modal, bahan mentah, tenaga pekerja, serta persaingan daripada batik luar khususnya dari Jepun, Siam dan batik tiruan.

Kata kunci: Perusahaan batik, Kelantan, batik luar, batik tiruan, perkampungan batik

Abstract

This paper examines the development of the batik industry in Kelantan between 1948 and 1982. Previous studies on the batik industry in the state have largely focused on technical aspects, the evolution of techniques, technological advancements, and the preservation of traditional cultural heritage in Kelantan. However, historical studies addressing this issue remain limited. In other words, this study views the batik industry as part of the economic history narrative of the state of Kelantan, rather than merely as a form of cultural heritage or traditional handicraft. Therefore, this study adopts a qualitative approach by analyzing both primary and secondary documents related to the batik industry in Kelantan. The primary sources used include official records such as K 1192/1948 Petition Praying Permission to Erect a Batik Sarong Factory on Lot No. 199 Section 13- Kota Bharu Town, JPK. KN. KOP/024/ BHG.2

Syarikat Kerjasama Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad, M.B. KN (0) 189 Perusabaan Batik, M.B. KN (0) 246 Batik- Perusabaan Batik, PEN - KN. 508/7 Development of Small-Scale Industries (Batik Village), YPN. KN 106/1 Perusabaan Batik, PKK 1429, Perkampungan Batik, PKK 1081/2-1, Penubuhan Perkampungan Batik, and R.I.D.A. 7718, Batek Research Centre @ Kelantan, all obtained from the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur and National Archives of Malaysia, Kelantan State. Meanwhile, secondary sources such as books, theses, and academic papers were gathered from the Kelantan Public Library and Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia, Penang. The findings of the study reveal that the batik industry in Kelantan experienced periods of both prosperity and decline during the period under review. Furthermore, batik entrepreneurs faced various problems and challenges. Assistance from the government and related agencies helped them address issues such as shortages of capital, raw materials, and labor, as well as competition from imported batik, particularly from Japan, Siam, and counterfeit batik products.

Keywords: *Batik industry, Kelantan, imported batik, counterfeit batik, batik village*


PENGENALAN

Kelantan ialah sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terkenal dengan kekayaan adat serta seni warisan, di samping memainkan peranan penting dalam perkembangan industri kraf tangan negara, khususnya dalam perusabaan batik (Pauziah Abdullah 1983). Kelantan kerap dirujuk sebagai ‘*the home of batik*’, iaitu suatu gelaran tidak rasmi yang muncul daripada persepsi masyarakat setempat dan penggemar batik (Nik Yusnita Nik Ahmed 2015). Hal ini kerana seni batik ini telah lama sebatu dalam kehidupan masyarakat, dan terus berkembang mengikut peredaran zaman serta permintaan semasa. Menurut Sharulnizam Ramli et al. (2018), batik Kelantan diklasifikasikan sebagai produk kraf tangan yang memberi sumbangan signifikan kepada ekonomi masyarakat Melayu. Batik Kelantan bukan sahaja sinonim dengan identiti budaya negeri, malah menjadi simbol keutuhan masyarakat majmuk di Malaysia (Sharulnizam Ramli et al. 2018). Hal ini kerana batik Kelantan bukan sahaja dipakai dan dihargai oleh semua kaum di Malaysia, malah motif dan rekaan batiknya bersifat inklusif yang sesuai dipakai dalam acara rasmi yang melibatkan pelbagai etnik. Perkara ini menjadikan batik sebagai lambang perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Batik merupakan sejenis tekstil hiasan yang dihasilkan melalui teknik penerapan lilin dan pencelupan warna, membentuk corak dan motif tertentu di atas permukaan kain (Nurulhda Sulaiman 2022). Proses mencorakkan batik digambarkan sebagai “menulis titik-titik” yang menggambarkan teknik menghasilkan motif halus secara bertitik pada permukaan kain putih (Robinson 2016). Motif batik yang mencerminkan unsur alam, flora, fauna dan geometri adalah merupakan antara motif yang sering digunakan dalam mencorakkan batik. Pemilihan motif-motif ini dipengaruhi oleh faktor hubungan persekitaran, adat, budaya, agama dan kepercayaan, perubahan cita rasa masyarakat, serta permintaan dalam pasaran semasa (Nurulhda Sulaiman 2022). Misalnya, motif flora dan alam pada batik Kelantan melambangkan keindahan serta hubungan manusia dengan alam semula jadi, selain menzahirkan rasa syukur terhadap ciptaan Tuhan (Nurulhda Sulaiman 2022). Penerapan motif bunga juga berkait dengan kepercayaan masyarakat Melayu bahawa sumber alam seperti herba berfungsi sebagai penawar penyakit dan memberi pelbagai manfaat harian. Menurut Nurulhda Sulaiman (2022) lagi, pemilihan motif ini turut mencerminkan kefahaman agama dan falsafah hidup yang diterjemahkan melalui pemakaian batik. Manakala motif geometri melambangkan keseimbangan dan keteraturan (Zakiah Awang 1983). Motif tertentu seperti pucuk rebung pula dipilih kerana motif ini membawa simbol harapan dan pertumbuhan (Zainira Salleh 2007).

Menurut Pauziah Abdullah (1983), perkataan ‘batek’ dipercayai berasal dari Indonesia dan membawa dua pengertian utama. Pertama, perkataan ini merujuk kepada kesan rintik-rintik putih pada kain yang kemudiannya dihiasi dengan corak dan diwarnakan. Kedua, perkataan ini merujuk kepada teknik penghasilan corak menggunakan blok atau acuan yang diperbuat daripada kayu, tembaga atau besi, dengan menerapkan campuran lilin, damar atau rosin ke atas kain putih sebelum diwarnakan melalui proses pencelupan. Keindahan dan kehalusan reka corak batik menjadi lambang kreativiti serta manifestasi seni halus masyarakat Melayu. Motif berunsur flora seperti *pucuk rebung* memperlihatkan kepekaan masyarakat Melayu terhadap alam sekitar. Selain itu, elemen flora ini turut

mewakili simbolisme budaya dan mencerminkan nilai estetika yang tinggi dalam tradisi kesenian pembuatan batik.



Gambar 1. (A) Bentuk segi tiga pucuk rebung; (B) Penggayaan motif *pucuk rebung* pada kain sarung batik; (C) Penggayaan moden motif *pucuk rebung* dalam warna pastel.
Sumber: Sharifah Imihezri et al. (2021)




Gambar 2. Motif *Pucuk Rebung*
Sumber: Nur Laila Liyana Yusoff (2021)

Ketelitian yang tinggi yang diperlukan ketika proses menghasilkan batik seperti proses melilin, mencanting dan mewarnakan secara manual pula secara tidak langsung adalah merupakan satu manifestasi karya seni yang melibatkan aspek kreativiti, daya cipta dan ketekunan pengusaha batik yang bukan semata-mata bagi menghasilkan pakaian harian, tetapi juga sebagai medium ekspresi budaya. Malah jalinan antara elemen warna, bentuk dan makna di sebalik motif yang digunakan dalam setiap helaian batik juga turut melambangkan identiti dan kreativiti masyarakat Melayu dalam karya seni halus (Mohd Azhar Samin & Rafeah Legino 2020).



Gambar 3. Proses mencanting batik.
Sumber: Nur Laila Liyana Yusoff (2021)

Selain itu, keistimewaan batik bukan sahaja terletak pada nilai estetikanya, tetapi juga pada keupayaannya untuk kekal relevan dan terus berkembang meskipun berhadapan dengan persaingan daripada pelbagai jenis tekstil moden. Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa usaha penting, antaranya adalah seperti penyesuaian reka corak dan warna batik mengikut cita rasa semasa, penerokaan pasaran baharu melalui pelancongan dan fesyen kontemporari, serta penglibatan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam mempromosikan batik melalui program latihan, pameran dan kempen nasional seperti “Batik Malaysia” (Jabatan Warisan Negara 2020). Selain itu, pengusaha batik generasi baharu turut memperkenalkan inovasi dalam proses pengeluaran seperti penggunaan teknologi cetakan moden tanpa mengabaikan teknik tradisional. Usaha-usaha ini membuktikan bahawa batik bukan sekadar warisan, tetapi juga sebuah industri yang dinamik dan mampu berevolusi untuk bergerak seiring dengan perubahan zaman (Sharifah Imihezri Syed Shaharuddin et al. 2021).



Gambar 4. Reka bentuk kontemporari Malaysia yang dipengaruhi oleh (A) teknologi seperti nombor binari dan (B) budaya orang asli.
Sumber: Sharifah Imihezri (2021)

Populariti batik yang berterusan, khususnya dari negeri Kelantan, telah menjadikan batik sebagai tarikan utama kepada pelancong asing dan pencinta seni tekstil tradisional (Jasman Ahmad & Siti Razmah Idris 1996). Kelantan merupakan antara negeri terawal di Tanah Melayu yang

memperkenalkan batik sebagai satu bentuk seni sebelum berkembang menjadi perusahaan komersial. Perkembangan ini dipengaruhi oleh kedudukannya yang strategik sebagai negeri pesisir dan juga hubungan budaya serta sejarah perdagangan yang lama dengan wilayah-wilayah yang terkenal dengan seni batik seperti Selatan Thailand dan Kepulauan Indonesia (Norlelawaty Haron et al. 2015). Idea penghasilan kain batik di Kelantan dipercayai teretus hasil daripada hubungan perdagangan dan budaya antara masyarakat Melayu Semenanjung dengan penduduk kepulauan Indonesia. Hubungan ini telah lama wujud iaitu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, dan terus berlanjutan walaupun Tanah Melayu dan Indonesia dijajah oleh kuasa Eropah yang berbeza. Jaringan ini bukan sahaja merangkumi pertukaran barangan, tetapi turut melibatkan pengaruh seni dan budaya, termasuk dalam penghasilan dan pemakaian kain batik (Nurulhuda Sulaiman 2022; Pauziah Abdullah 1983).

Menurut Pauziah Abdullah (1983), pentadbir kolonial British yang pernah melawat Kelantan, Terengganu dan Pahang pada kurun ke-19 seperti Hugh C. Clifford (1960) dan Frank A. Swettenham (1895) ada mencatatkan tentang kegiatan ekonomi dan jaringan perdagangan antara negeri-negeri Pantai Timur Tanah Melayu dengan wilayah kepulauan Indonesia, termasuk pengaruhnya terhadap tekstil dan budaya masyarakat setempat. Kesan daripada hubungan ini, masyarakat Kelantan telah mengenali dan mula memakai kain sarung batik sejak kurun ke-19. Perkara ini turut diakui oleh tokoh sastera tempatan iaitu Abdullah Abd. Kadir Munsyi (1960) yang menyatakan dalam penulisannya bahawa masyarakat di Kelantan pada masa itu telah mengenali kain batik Jawa dan kain Bugis. Maka atas sebab itu, menjelang awal kurun ke-20, masyarakat di Pantai Timur, khususnya di Kelantan, mula menghasilkan batik mereka sendiri dengan meniru reka bentuk dan teknik penghasilan batik dari Indonesia (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Perkembangan ini menandakan telah berlakunya satu peralihan atau transisi daripada sekadar pengguna kepada pengeluar, dan perkara ini sekali gus mengukuhkan batik sebagai satu bentuk perusahaan budaya dan ekonomi tempatan di Kelantan.

Justeru, sejak awal kurun ke-20, perusahaan batik di Kelantan berkembang secara signifikan dan perkembangan ini dipercayai bergerak seiring dengan perkembangan batik di Terengganu (Norzilawati Abd Wahab & Arba'iyah Mohd Noor 2013). Tempoh antara tahun 1948 hingga 1982 adalah merupakan fasa perusahaan batik Kelantan berkembang secara progresif kerana perusahaan ini berkembang dari skala kecil yang berasaskan pendapatan isi rumah kepada skala lebih besar dalam bentuk industri tempatan (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Tempoh masa ini merangkumi dari era pasca-Perang Dunia Kedua, zaman darurat, era awal pasca-kemerdekaan Tanah Melayu dan sehingga ke fasa perubahan dasar kerajaan terhadap perusahaan kecil dan tradisional. Dalam tempoh ini juga, perusahaan batik mengalami perubahan yang ketara dari segi struktur organisasi, teknik pengeluaran, corak pemasaran dan hubungan dengan agensi kerajaan (Norlelawaty et al. 2013).

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai batik di Malaysia secara umumnya dan Kelantan secara khususnya telah banyak dijalankan. Namun, sebahagian besar kajian lepas tersebut lebih tertumpu kepada aspek seni, teknik pembuatan, corak atau motif dan peranan batik sebagai warisan budaya dan kearifan tempatan. Kajian yang meneliti perkembangan perusahaan batik di Kelantan secara menyeluruh, termasuk fasa kemajuan dan kemerosotannya dalam suatu tempoh tertentu, masih kurang dihasilkan. Sebagai contoh, penulisan oleh Pauziah Abdullah (1983) yang berjudul *Sejarah Perusahaan Batek* menelusuri permulaan perusahaan batik di Kelantan dan Terengganu sejak kurun ke-19, yang berkembang hasil daripada peniruan terhadap kain batik yang diimport dari Indonesia. Perubahan dalam kaedah penghasilan batik yang berlaku dalam kurun ke-20 iaitu sekitar tahun 1930-an hingga awal 1950-an turut dibincangkan. Namun demikian, perkembangan industri batik dalam era pasca-kemerdekaan yang merupakan fokus dan skop artikel ini tidak dikupas oleh penulis.

Penulisan oleh Norlelawaty Haron et al. (2013) yang berjudul *Sejarah Perkembangan Industri Batik di Kelantan* membincangkan perkembangan industri batik di Kelantan menerusi pengalaman lokal dua keluarga perintis utama, iaitu keluarga Haji Che Su bin Haji Ishak bersama lapan orang anaknya, dan keluarga Mohammad Yusoff yang menubuhkan syarikat berdaftar Mohammad Yusoff & Co. (1946–

1955). Kajian ini turut menelusuri fasa kemerosotan industri antara tahun 1951 hingga 1956, yang dikaitkan dengan konflik dalaman—khususnya perpecahan dalam keluarga Haji Che Su apabila lapan anaknya menjalankan perusahaan batik masing-masing secara kecil-kecilan tanpa kerjasama semula dalam satu entiti. Namun begitu, aspek kemerosotan syarikat Mohammad Yusoff & Co. tidak dihuraikan secara terperinci, selain daripada dinyatakan bahawa kemelesetan bermula selepas kematian pengurus besar syarikat tersebut pada tahun 1956. Oleh sebab perbincangan terhenti pada tahun 1956, maka perkara ini membuka ruang untuk artikel ini memperluaskan perbincangan mengenai perkembangan perusahaan batik di Kelantan hingga ke era pasca-kemerdekaan.

Manakala penulisan oleh Zainira Salleh (2007) yang bertajuk *Industri Batik di Kampung Penambang* memberi tumpuan khusus kepada perusahaan batik di Kampung Penambang, termasuk sumbangan beberapa tokoh tempatan seperti Haji Che Su, Hajah Che Teh dan Che Minah Haji Omar. Penulis memperincikan aspek lokasi sebagai pusat pengeluaran batik, namun tidak membincangkan secara menyeluruh naik turun industri batik di Kelantan dari sudut sejarah. Selain itu, isu berkaitan permasalahan industri serta peranan dasar kerajaan dalam pembangunan perusahaan batik juga tidak diberikan perhatian mendalam. Aspek-aspek ini akan dianalisis secara lebih menyeluruh dalam artikel ini bagi mengisi kelompongan tersebut.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menumpukan perhatian terhadap aspek budaya dan teknikal dalam perusahaan batik di Kelantan, terutamanya yang meneliti evolusi teknik, corak dan penggunaan peralatan. Sebagai contoh, Hanipah Husin et al. (2011) dalam penulisan bertajuk *Batik: Lambang Warisan Teknologi dan Inovasi* membincangkan bagaimana perdagangan global telah memperkayakan tekstil tempatan, termasuk batik. Sementara itu, Siti Aisyah Amilin Hassan dan Muammar Gaddafi Hanafiah (2018) dalam penulisan berjudul *Teknologi Pemprosesan Batik Melayu di Kelantan* memberi tumpuan kepada kemunculan teknologi moden seperti batik cetakan serta kesannya terhadap kreativiti reka corak. Wan Hasniah Wan Hassan (1999) pula melalui penulisannya yang bertajuk *Tekstil dan Pakaian Tradisional Kelantan* meneliti aspek pemeliharaan warisan tekstil dan pakaian tradisional, namun tidak memberikan fokus secara holistik terhadap perkembangan perusahaan batik sebagai sebuah industri. Penulisan beliau lebih menekankan bagaimana perkembangan teknologi dan perubahan permintaan pasaran mempengaruhi penghasilan batik tempatan. Ringkasnya, ketiga-tiga kajian lepas ini tidak membincangkan perkembangan industri batik di Kelantan dalam konteks sejarah yang memperlihatkan perkembangan industri batik secara progresif dari era sebelum kemerdekaan sehingga era pasca-kemerdekaan.

Manakala Nawwal Abdul Kadir (2003) dalam kajiannya yang berjudul *Satu Kajian Tentang Reka Corak Permukaan Kain Batik Sarung Tradisional di Negeri Kelantan* menyentuh tentang reka corak batik sarung tradisional selain membincangkan pengaruh budaya tempatan dan luar. Penulis walau bagaimanapun tidak memberi perhatian khusus kepada dinamika perusahaan itu sendiri. Selain itu, Che Rahim Hussin dan Harozila Ramli (2023) menulis mengenai *Keistimewaan Blok Batik Adiguru Mahadi Deraman di Kampung Talak, Tumpat, Kelantan* meneliti keistimewaan blok batik warisan Adiguru di Kampung Talak, Tumpat, dengan menekankan usaha mengekalkan nilai estetika dan simbolik corak warisan dalam persekitaran moden. Sementara itu, Noor Arina Md Arifin et al. (2024) dalam *Seni Tradisional Batik Sebagai Tunjang Warisan Negeri Kelantan* mengupas secara terperinci sumbangan sosioekonomi perusahaan batik di Kelantan sebagai industri kecil dan sederhana. Kajian ini turut menyoroti cabaran kontemporari seperti persaingan dari produk luar, batik tiruan, serta kekangan modal dan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kajian ini juga tidak menelusuri perkembangan sejarah industri batik secara berfasa iaitu dari era kolonial sehingga era Tanah Melayu bebas daripada penjajahan.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa meskipun aspek teknikal, budaya dan ekonomi telah mendapat perhatian para pengkaji terdahulu, namun masih terdapat jurang dalam memahami perusahaan batik Kelantan dari perspektif sejarah ekonomi, sosial dan dasar pentadbiran. Justeru, artikel ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti secara menyeluruh perkembangan perusahaan batik dari tahun 1948 hingga 1982, termasuk peranan kerajaan, cabaran yang dihadapi pengusaha, serta faktor yang mempengaruhi kemajuan dan kemerosotan industri ini. Melalui pendekatan sejarah ekonomi dan sosial, artikel ini bukan sahaja

mendokumentasikan sejarah perkembangan perusahaan batik di Kelantan, tetapi turut menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang industri kecil dan sederhana dalam pembinaan identiti dan ekonomi negeri Kelantan pada era pasca-kolonial.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif, yang menekankan pemahaman mendalam terhadap fenomena yang dikaji melalui pengumpulan dan analisis data bukan berangka. Kaedah ini amat sesuai digunakan bagi mengkaji perusahaan batik di Kelantan kerana kaedah ini membolehkan isu ini diteliti secara terperinci dari sudut sejarah, perkembangan serta cabaran yang dihadapi oleh industri batik di Kelantan berdasarkan bukti dokumen primer dan sekunder. Pengumpulan data utama melibatkan analisis terhadap dokumen primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan. Dokumen primer ialah bahan yang dihasilkan secara langsung oleh individu atau organisasi yang terlibat dalam peristiwa atau aktiviti yang dikaji, pada masa kejadian itu berlaku.

Dokumen primer adalah penting kerana maklumat yang direkodkan adalah berkait secara langsung dengan subjek penyelidikan. Dokumen primer amat penting dalam kajian sejarah kerana dokumen ini memberikan maklumat tepat yang tidak dipengaruhi oleh tafsiran pihak ketiga. Antara dokumen primer yang dirujuk dan dianalisis bagi menghasilkan penulisan ini adalah termasuk fail rasmi seperti K 1192/1948 *Petition Praying Permission to Erect a Batik Sarong Factory on Lot No. 199 Section 13- Kota Bharu Town*, JPK. KN. KOP/024/ BHG.2 *Syarikat Kerjasama Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad*, serta pelbagai dokumen lain yang merangkumi usaha penubuhan dan pembangunan industri batik di Kelantan, seperti fail berkaitan Perkampungan Batik dan Pusat Penyelidikan Batik (Batek Research Centre @ Kelantan) di bawah R.I.D.A. (Rural and Industrial Development Authority). Setiap dokumen ini dirujuk untuk mendapatkan maklumat asal mengenai dasar kerajaan, permohonan penubuhan perusahaan, kerjasama masyarakat, serta perkembangan ekonomi berkaitan industri batik pada era tertentu.

Selain itu, penulisan ini turut menggunakan sumber sekunder sebagai pelengkap kepada data primer. Sumber sekunder merujuk kepada bahan yang dihasilkan berdasarkan analisis atau tafsiran terhadap sumber primer, seperti buku, tesis, dan latihan ilmiah. Bahan-bahan ini diperoleh dari Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Sumber sekunder membantu memperkukuh kefahaman penulisan ini dengan menyediakan perspektif tambahan, teori sokongan, serta perkembangan terkini mengenai perusahaan batik, baik dari sudut ekonomi, sosial, mahupun budaya. Penggunaan kedua-dua jenis sumber ini membolehkan penulisan ini mencapai triangulasi data, iaitu penggunaan pelbagai sumber, kaedah, atau perspektif dalam penyelidikan untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil analisis. Keseluruhannya, gabungan sumber primer dan sekunder dalam analisis kualitatif ini membolehkan penulisan ini membina naratif yang lebih menyeluruh dan kritikal mengenai sejarah perusahaan batik di Kelantan.

PERKEMBANGAN PERUSAHAAN BATIK DI KELANTAN PADA AWAL PASCA-PERANG DUNIA KEDUA, 1948–1952

Perusahaan batik merupakan salah satu industri warisan yang paling menonjol di Kelantan berbanding perusahaan tradisional lain seperti tenunan dan pertukangan perak. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti skala penglibatan masyarakat, kawasan geografi, pengaruh budaya dan sumbangan terhadap ekonomi negeri. Dari segi skala penglibatan masyarakat dan kawasan geografi, perusahaan batik di Kelantan melibatkan jumlah pengusaha dan tenaga kerja yang lebih ramai, dengan lebih 70% kilang serta bengkel batik tertumpu di sekitar Kota Bharu dan kawasan-kawasan bersebelahannya (PKKM 1429). Sebaliknya, perusahaan menenun hanya tertumpu di daerah tertentu seperti Bachok, manakala pertukangan perak pula dijalankan secara kecil-kecilan oleh artisan yang mempunyai kemahiran khusus dalam pertukangan (Abdullah Mohamed 1990). Justeru, batik menjadi lebih mudah dikenali dan lebih meluas pengaruhnya dalam masyarakat, sehingga industri batik akhirnya diangkat sebagai identiti budaya serta ekonomi utama negeri Kelantan.

Manakala dari sudut budaya, batik Kelantan memiliki nilai estetika dan identiti tersendiri hingga diangkat sebagai simbol budaya negeri pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Zakiah Awang 1983). Perusahaan batik lazimnya dikaitkan dengan warisan keluarga, inovasi teknik, dan motif tradisional yang unik, lalu menjadikan batik sinonim dengan identiti masyarakat Melayu Kelantan. Berbanding menenun dan pertukangan perak, batik menerima pengiktirafan yang lebih luas. Dari aspek ekonomi pula, industri batik berjaya mencipta banyak peluang pekerjaan serta menjadi produk eksport utama negeri, terutamanya selepas Perang Dunia Kedua (Zainira Salleh 2007; Zakiah Awang 1983). Selain itu, modal permulaan yang lebih rendah dan bahan mentah yang mudah didapati turut menggalakkan lebih ramai terlibat dalam industri batik di Kelantan (Abdullah Mohamed 1990). Maka atas sebab itulah perusahaan batik lebih dimonopoli oleh masyarakat Melayu tempatan dan dijalankan secara meluas di negeri tersebut.

Menurut Zakiah Awang (1983), perusahaan batik di Kelantan bersifat warisan turun-temurun, diwarisi daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Abdullah Mohamed (1990) pula menyatakan bahawa Kelantan sering digelar sebagai “rumah batik Malaysia”, mencerminkan kedudukannya yang penting dalam perkembangan industri batik di negara ini. Beliau turut menyebut bahawa kegiatan membatik juga telah lama wujud di wilayah lain seperti Terengganu dan Patani, namun Kelantan kekal sebagai pusat yang paling aktif.



Gambar 5. Motif Batik Kelantan.

Sumber: Nur Laila Liyana Yusoff (2021)

Kebanyakan perusahaan batik di Kelantan tertumpu di jajahan Kota Bharu, terutamanya di kampung-kampung seperti Kampung Penambang, Pantai Cahaya Bulan (PCB), Kampung Kijang dan kawasan sekitarnya. Menurut Zainira Salleh (2007), lokasi kampung-kampung ini yang berhampiran dengan Sungai Kelantan sangat sesuai untuk kegiatan membatik kerana faktor geografi seperti tanah berpasir yang kurang sesuai untuk pertanian, serta ketersediaan sumber air bagi membersihkan celupan lilin dan kain yang telah dicelup. Tambahan pula, kedudukan kawasan ini yang berhampiran dengan pusat bandar memudahkan akses kepada bahan mentah dan kemudahan pengangkutan. Sekitar 78 peratus kilang batik di Kelantan tertumpu di sekitar bandar Kota Bharu, khususnya di kawasan pertemuan Sungai Kelantan dan Sungai Keladi (PKKM 1429).

Antara tahun 1948 hingga 1952, perusahaan batik di Kelantan berkembang semula secara progresif selepas terhenti seketika akibat Perang Dunia Kedua. Banyak syarikat perusahaan batik yang terhenti semasa Perang Dunia Kedua berjaya menyambung semula operasi masing-masing, di samping kemunculan syarikat-syarikat perusahaan batik yang baharu yang merencanakan lagi industri. Antara perusahaan sedia ada yang kembali beroperasi ialah Mohammad Yussof & Co., Che Mahmud & Sons, dan Ibrahim & Sons, yang bangkit dengan lebih terancang melalui struktur syarikat keluarga yang kukuh serta pelaburan modal yang lebih besar (Norlelawaty Haron et al. 2013). Perkembangan ini turut disokong oleh pengusaha persendirian seperti Haji Che Sulaiman bin Che Ha dari Kampung Sireh dan Haji Wan Jaafar dari Kampung Putih, Kota Bharu, yang menghidupkan kembali perusahaan masing-masing dalam era awal pasca-Perang Dunia Kedua (Norlelawaty Haron et al. 2013). Pada masa yang sama, perusahaan baharu turut muncul dengan pesat seperti 'cendawan tumbuh selepas hujan' terutamanya dalam kalangan pengusaha kecil. Antaranya termasuk Encik Ibrahim bin Haji Abdullah, Haji Mohd Amin bin Haji Idris, Hajah Che Bidah binti Haji Idris dan lain-lain, yang kebanyakannya mempunyai pertalian keluarga dengan pengusaha-pengusaha besar atau pernah berkhidmat sebagai pekerja dalam syarikat batik sedia ada (Pauziah Abdullah 1983).

Kehadiran semula syarikat-syarikat lama serta pertumbuhan perusahaan baharu ini memainkan peranan penting dalam memulihkan semula ekosistem perusahaan batik di Kelantan, dan seterusnya merencanakan kembali industri ini dalam tempoh awal pasca-Perang Dunia Kedua. Jumlah permohonan untuk membuka perusahaan batik semakin meningkat tahun demi tahun. Misalnya dalam tahun 1948, Encik Che Omar bin Haji Taib membuat permohonan rasmi kepada pihak kerajaan negeri bagi mendapatkan kelulusan untuk menjalankan perusahaan mengecop kain batik di atas Lot No. 199, Seksyen 13, Bandar Kota Bharu. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak kerana kawasan berkenaan telah diwartakan sebagai kawasan yang dikhaskan untuk kediaman sahaja (K 1192 1948).

Beberapa faktor utama dikenal pasti sebagai pendorong kepada kemunculan dan pertumbuhan perusahaan batik, sama ada pada peringkat kecil mahupun besar. Antaranya termasuk kemudahan mendapatkan bahan mentah seperti bahan pencelup (*dye stuff*) dari Jerman yang boleh diperoleh melalui pasaran di Singapura (Pauziah Abdullah 1983). Penggunaan bahan pencelup ini bukan sahaja meningkatkan mutu batik yang dihasilkan, tetapi juga memberi nilai tambah kepada produk tempatan. Di samping itu, bekalan kain putih yang mudah diperoleh turut merangsang pengeluaran secara berterusan.

Pasaran bagi kain batik Kelantan turut berkembang ke luar negeri, termasuk ke Thailand dan ke seluruh Tanah Melayu. Batik tempatan menjadi pilihan utama penduduk kerana harganya yang lebih berpatutan berbanding batik import dari Indonesia. Tambahan pula, modal permulaan untuk menjalankan perusahaan batik tidaklah tinggi. Pada peringkat awal, kebanyakan pengusaha menjalankan aktiviti membatik secara kecil-kecilan di halaman rumah dengan bantuan ahli keluarga. Apabila permintaan meningkat, barulah perusahaan ini diperluas dengan pengambilan pekerja. Menariknya, terdapat juga pekerja yang setelah memperoleh kemahiran, akhirnya menubuhkan perusahaan mereka sendiri kerana melihat potensi keuntungan yang tinggi dalam bidang ini (Pauziah Abdullah 1983).

Antara perusahaan batik yang paling berjaya di Kelantan dalam tempoh 1948 hingga 1952 ialah Mohammad Yussof & Co. yang dimiliki oleh Encik Mohammad Yussof. Syarikat ini ditubuhkan hasil pelaburan modal peribadi beliau (Abdullah Mohamed 1990) dan dianggotai oleh adik-beradik beliau sendiri, iaitu Mohd. Daud, Abdul Hamid, Mohd. Salleh, Ishak, Hussin, Hassan, Adnan, Razali, Bidah dan Mohamad (Zainun Ishak 2021). Encik Mohammad Yussof bin Haji Che Su memegang jawatan sebagai Pengurus Besar syarikat tersebut. Demi memastikan pengurusan yang berkesan dan teratur, mesyuarat diadakan secara berkala dan setiap ahli keluarga bertanggungjawab terhadap bidang tugas masing-masing (Zainun Ishak 2021).

Pada peringkat awal operasinya, pejabat syarikat ini berpusat di Kampung Gajah Mati, sebelum dipindahkan ke lokasi baharu di Kampung Putih, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Ketika itu,

syarikat ini mengendalikan dua buah kilang dengan seramai 150 orang pekerja. Dengan pertumbuhan pesat, dua lagi kilang ditubuhkan, menjadikan jumlah pekerja meningkat kepada 450 orang. Tidak lama kemudian, jumlah kilang bertambah menjadi lima buah, dengan anggaran 750 pekerja, dan menjelang awal 1950-an, syarikat ini hampir mencapai tenaga kerja seramai 1,000 orang (Abdullah Mohamed 1990). Dalam era kegemilangannya, syarikat Mohammad Yussof & Co. mampu mengeluarkan sekitar 600 kodi batik lilin (bersamaan 12,000 helai kain kerana 1 kodi bersamaan 20 helai) dan 6,000 kodi batik stensil (120,000 helai) setiap bulan. Penggunaan kain putih untuk proses pengeluaran ini mencecah sehingga 264,000 ela sebulan (Zainun Ishak 2021).

Rangkaian pengedaran syarikat Mohammad Yussof & Co. turut berkembang dengan pesat. Di Kelantan sahaja, syarikat ini mempunyai 13 pengedar, iaitu lapan di Jalan Temenggong, dua di Jalan Ismail, serta dua lagi masing-masing di Pasir Mas dan Kota Bharu. Di Terengganu pula, terdapat empat pengedar aktif. Selain pengeluaran batik, syarikat ini turut menceburi penghasilan tenunan seperti samarinda dan pelikat untuk lelaki, yang mendapat sambutan baik pada era 1950-an (Zainun Ishak 2021). Kejayaan perusahaan Mohammad Yussof & Co. ini didorong oleh pengalaman dan inisiatif Encik Mohammad Yussof sendiri yang pernah menimba ilmu di Bangkok untuk mempelajari teknik dan bahan penghasilan batik. Selain itu, penggunaan kain putih berkualiti tinggi yang diimport dari England dan India juga menyumbang kepada kejayaan dan daya saing produknya (Abdullah Mohamed 1990).

Ringkasnya, antara tahun 1949 hingga awal 1950-an, industri batik di Kelantan berkembang secara konsisten dan stabil dengan wujudnya kira-kira 60 buah kilang batik, sama ada milik syarikat mahupun pengusaha persendirian. Antara tokoh pengusaha lain yang turut mencatat kejayaan dalam tempoh ini ialah Encik Ibrahim bin Haji Abdullah, yang menubuhkan kilangnya di Kampung Kubur Kuda pada tahun 1949. Haji Wan Jaafar dan Haji Sulaiman, iaitu kedua-duanya merupakan bekas pekerja kepada Haji Che Su juga berjaya mengembangkan perusahaan batik mereka sendiri, sekali gus menyumbang kepada kemakmuran industri batik di Kelantan (Abdullah Mohamed 1990).

PASANG SURUT PERUSAHAAN BATIK KELANTAN, 1953–1979: ISU, CABARAN DAN KELANGSUNGAN

Perusahaan batik di Kelantan pernah melalui fasa kemajuan dan kemerosotan. Menurut Abdullah Mohamed (1990), kemerosotan industri batik pernah berlaku dalam kurun ke-18 dan kurun ke-19, iaitu antara tahun 1733 hingga 1846. Kemerosotan tersebut terjadi akibat ketidakstabilan politik dan berlakunya beberapa siri peperangan dengan Siam, Legeh, Patani dan juga konflik dalaman seperti perang saudara. Selain itu, kebergantungan masyarakat tempatan terhadap kain batik import dari China, Jawa, Siam dan Terengganu telah menyebabkan permintaan terhadap batik tempatan merosot. Situasi ini berlaku kerana harga batik keluaran tempatan pada waktu itu adalah lebih tinggi. Tambahan pula, pengusaha batik pada masa itu tidak menerima perlindungan mahupun sokongan khusus daripada kerajaan negeri (Abdullah Mohamed 1990).

Meskipun pernah melalui zaman kemerosotan, perusahaan batik tidak pernah terhenti sepenuhnya. Kegiatan membatik masih diteruskan secara kecil-kecilan di rumah untuk keperluan keluarga dan pasaran setempat, dan akhirnya bangkit semula atas pelbagai faktor termasuk perubahan struktur ekonomi dan sokongan institusi (Abdullah Mohamed 1990). Menurut Norazilawati Abd Wahab dan Arba'iyah Mohd Noor (2013), pada tahun 1934, Kerajaan Kolonial British di Tanah Melayu telah melaksanakan polisi mengimport tekstil dari luar negara sebagai strategi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam sektor tekstil di Kelantan dan Terengganu. Polisi ini menyebabkan kemasukan kain buatan British, Belanda, Jepun dan China ke Tanah Melayu meningkat dengan ketara (*Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936*), dan situasi ini berlanjutan hingga awal 1950-an.

Walaupun kemudiannya pada tahun yang sama, 1934, Kerajaan Kolonial British melaksanakan dasar pengecualian cukai bagi kain tempatan serta menghadkan penggunaan kain import sebagai langkah untuk membantu industri tempatan kekal bertahan dan bersaing dalam pasaran yang lebih luas (B.A.K. 436/1934), namun kain-kain import masih mendapat permintaan yang tinggi kerana

harganya yang lebih murah (Pauziah Abdullah 1983; Maznah Mohamad 1996). Menjelang tahun 1953, industri batik tempatan semakin tertekan apabila kain-kain import mula mendominasi pasaran bukan atas sebab harga yang jauh lebih rendah semata-mata, tetapi juga disebabkan kerana kain-kain import menawarkan variasi rekaan serta kualiti yang menepati cita rasa pengguna (Zainun Ishak 2021). Akibatnya, banyak perusahaan batik di Kelantan terjejas dan industri yang dahulunya pesat berkembang mula menunjukkan tanda-tanda kemerosotan.

Menurut Abdullah Mohamed (1990), tanda-tanda kemerosotan industri batik di Kelantan dapat dilihat melalui beberapa aspek utama. Antaranya ialah penurunan bilangan kilang dan syarikat yang masih beroperasi kerana ramai pengusaha terpaksa menutup kilang akibat tidak mampu bersaing dari segi harga dan permintaan. Pembuangan pekerja secara besar-besaran juga berlaku, dan perkara ini menunjukkan syarikat tidak lagi mampu menampung kos operasi. Selain itu, terdapat pemecahan syarikat besar menjadi perusahaan kecil-kecilan oleh bekas ahli kongsi, serta penurunan pengeluaran batik tempatan secara keseluruhan. Terdapat juga kes ramai pengusaha beralih ke bidang lain atau mengecilkkan skala perniagaan mereka. Semua petunjuk ini jelas memperlihatkan kemerosotan daya saing dan kelangsungan industri batik tempatan dalam menghadapi persaingan produk import.

Jadual 1. Ringkasan Statistik Kemerosotan Industri Batik Tempatan Kelantan

TAHUN	BILANGAN KILANG BATIK
1940-an	~60 buah
Awal 1950-an	20–30 buah

Sumber: Disesuaikan daripada Syed Ahmad Jamal (2007)

Walaupun pada tahun 1950 Kerajaan Kolonial British ada memperkenalkan polisi perlindungan kepada industri tekstil tempatan, termasuk industri batik di Kelantan dan Terengganu, iaitu dengan meningkatkan duti import terhadap kain-kain import supaya industri tekstil tempatan mampu terus bersaing dalam pasaran terbuka (Maznah Mohamad 1996), namun keberkesanan polisi ini dilihat agak lambat berikutan kemerosotan industri batik di Kelantan semakin ketara menjelang tahun 1954. Ditambah pula pada ketika itu, pihak kerajaan masih belum menyediakan sebarang bentuk perlindungan yang khusus kepada pengusaha batik tempatan, menjadikan industri batik terdedah kepada tekanan pasaran yang tidak seimbang. Ketiadaan sokongan institusi menyebabkan ramai pengusaha tidak lagi mampu meneruskan operasi, sehingga ada yang terpaksa menutup kilang dan memberhentikan pekerja (Abdullah Mohamed 1990).

Syarikat berskala besar seperti Mohammad Yussof & Co. tidak terlepas daripada berdepan dengan masalah kemerosotan tersebut. Pada tahun 1955, syarikat Mohammad Yussof & Co. mengalami perpecahan apabila beberapa orang adik-beradik Encik Mohammad Yussof iaitu termasuk Mohd. Daud, Abdul Hamid, Mohd. Salleh, Mohd. Ishak, Hussin, Hassan dan Adnan telah meninggalkan syarikat dan masing-masing mengusahakan perusahaan batik secara kecil-kecilan dari rumah mereka. Akhirnya, syarikat ini terpaksa ditutup. Pada tahun berikutnya iaitu 1956, pengasas syarikat yang juga tokoh penting industri batik Kelantan, Encik Mohammad Yussof, telah meninggal dunia. Meskipun terdapat usaha daripada pihak keluarga untuk menghidupkan semula syarikat tersebut, usaha tersebut tidak berjaya (Abdullah Mohamed 1990). Isu perpecahan dan penutupan syarikat besar seperti Mohammad Yussof & Co. ini memberi gambaran jelas mengenai cabaran utama yang dihadapi oleh perusahaan batik di Kelantan.

Menjelang tahun 1960-an, perusahaan batik di Kelantan ditakrifkan sebagai Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berdasarkan saiz operasi, jumlah pekerja, serta modal dan pengeluarannya (Mohd Zulkifli Mokhtar & Wan Nur Syahida Wan Ismail 2012). Menurut Noor Haslina et al. (2018), takrifan IKS mula digunakan sejak era pasca-merdeka iaitu antara akhir 1950-an hingga 1960-an. Takrifan rasmi IKS hanya mula digunakan secara lebih jelas pada 1980-an apabila kerajaan mula menggubal dasar khusus untuk membangunkan IKS. Mulai 2005, istilah IKS telah digantikan secara rasmi dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui penyelarasan dasar oleh Majlis Pembangunan PKS


Kebangsaan (NSDC). Sektor PKS menjadi tunjang utama kepada ekonomi negeri, khususnya industri batik yang telah lama menjadi identiti budaya dan sumber pendapatan masyarakat setempat (Noor Haslina et al. 2018).

Walau bagaimanapun, perusahaan batik turut berdepan dengan pelbagai cabaran utama. Antara isu yang sering dihadapi termasuk kekangan modal untuk mengembangkan operasi, kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah berkualiti dan kekurangan tenaga kerja mahir bagi menghasilkan produk yang memenuhi piawaian tinggi. Dari sudut pasaran, pengusaha berhadapan dengan kesukaran menembusi pasaran yang lebih luas, selain persaingan sengit daripada batik luar dan batik tiruan. Keadaan ini menambah risiko kegagalan perniagaan, khususnya apabila ada pengusaha yang tidak mampu membayar upah dan terpaksa memberhentikan pekerja apabila operasi terhenti. Kesemua cabaran ini memberi kesan langsung terhadap kelangsungan dan daya saing perusahaan batik pada peringkat tempatan mahupun nasional.

Masalah Modal

Perusahaan batik merupakan salah satu bentuk perusahaan yang memerlukan tempoh pemrosesan yang agak panjang. Oleh itu, perusahaan ini menuntut peruntukan modal pusingan yang mencukupi bagi memastikan kelangsungan operasi. Sebagai contoh, bagi menghasilkan sehelai kain batik sepanjang dua setengah ela, prosesnya boleh mengambil masa sehingga dua minggu untuk disiapkan sepenuhnya (YPN.KN 106/1). Berdasarkan rekod tinjauan ke atas perusahaan batik di Kelantan bagi tempoh 1970-an, dianggarkan bahawa bagi menghasilkan sebanyak lima ribu ela kain batik dalam tempoh sebulan, seseorang pengusaha memerlukan modal sekurang-kurangnya \$13,000.00 (YPN.KN 106/1). Kos pengeluaran bagi satu ela kain batik dianggarkan sebanyak \$2.60, merangkumi \$1.20 bagi bahan mentah dan buruh, serta \$1.40 bagi kos kain putih. Sebagai perbandingan, kos pengeluaran bagi seela batik di kilang-kilang di Singapura adalah kurang daripada \$2.00, disebabkan harga bahan mentah dan kain putih di sana yang lebih rendah, iaitu sekitar \$0.87 hingga \$0.92 seela (YPN.KN 106/1).

Kajian yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (PPPM) terhadap perusahaan batik di Kelantan dalam tempoh 1970-an menunjukkan bahawa sebanyak 55.8% pengusaha batik memiliki modal kurang daripada \$10,000.00, manakala 29.1% lagi mempunyai modal dalam lingkungan \$10,000.00 hingga \$35,000.00. Hanya 14.8% daripada pengusaha dilaporkan memiliki modal melebihi \$50,000.00 (YPN.KN 106/1). Statistik ini menggambarkan bahawa majoriti pengusaha batik beroperasi dengan modal yang amat terhad, sehingga memaksa mereka bergantung kepada orang tengah dalam memperoleh bahan mentah dan menjual produk (YPN.KN 106/1).



Carta 1. Taburan Modal Pengusaha Batik di Kelantan dalam tempoh 1970-an.

Sumber: YPN. KN 106/1 (1978)


Kekangan modal bukan sahaja menjejaskan kelancaran operasi, malah turut menghambat potensi pertumbuhan perusahaan batik di Kelantan. Bagi menampung kekurangan tersebut, pengusaha terpaksa mendapatkan pembiayaan daripada pemberi pinjaman perseorangan atau institusi kewangan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan bank, yang lazimnya memerlukan cagaran. Dalam banyak kes, kekurangan modal juga memaksa pengusaha membeli bahan mentah dalam kuantiti kecil atau secara berhutang (YPN. KN 106/1). Jelaslah bahawa modal merupakan elemen teras yang menentukan keberlangsungan dan daya saing sesebuah perusahaan batik tempatan.

Masalah Bahan Mentah

Dalam industri batik, penggunaan bahan mentah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelangsungan proses pengeluaran. Antara bahan asas utama yang diperlukan termasuklah kain putih (*serting, cambric, lawn, voile*), bahan pencelup (*dyestuff*), rosin lilin dan *soda ash* (YPN. KN 106/1). Namun demikian, para pengusaha batik sering berhadapan dengan masalah berkaitan bekalan bahan mentah, khususnya kain putih yang dibekalkan oleh KIMA Sdn. Bhd. Terdapat aduan bahawa kain putih yang diperolehi daripada syarikat ini dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat-syarikat lain, di samping tempoh kredit yang ditawarkan kepada pengusaha adalah terlalu singkat dan tidak memadai untuk keperluan perniagaan (PEN-KN. 508/7).

Jenis kain putih yang paling diperlukan ialah kain *lawn* keluaran Poland, kerana mutu kain tersebut dianggap setanding dengan kain keluaran Jepun, namun ditawarkan pada harga yang lebih rendah (PEN-KN. 508/7). Sebahagian besar kain putih diimport melalui Singapura, dan pengusaha batik tempatan lazimnya memperolehnya melalui pengedaran yang dikawal oleh KIMA Sdn. Bhd. Kelewatan dalam penghantaran kain putih oleh syarikat ini telah memberi kesan negatif terhadap kelancaran operasi perusahaan batik, sekali gus menjejaskan produktiviti pengusaha. Selain itu, kos bahan pencelup yang diperolehi secara tempatan turut menjadi isu apabila harganya jauh lebih mahal berbanding bahan pencelup yang boleh didapati di Singapura (PEN-KN. 508/7).

Dari segi taburan pembekalan bahan mentah, hanya sekitar 25% dibekalkan oleh Syarikat Serbaguna Persatuan Pembatek, manakala 15% lagi oleh Batik Malaysia Berhad. Selebihnya, iaitu sebanyak 60%, berada di bawah kawalan pihak orang tengah, yang turut memberi tekanan terhadap kos dan akses kepada bahan asas (YPN. KN 106/1).



Carta 2. Taburan Pembekalan Bahan Mentah kepada Pengusaha Batik di Kelantan dalam tempoh 1970-an.

Sumber: YPN. KN 106/1, (1978)

Pada tahun 1979, dianggarkan sebanyak 6.9 juta ela kain putih telah digunakan dalam pengeluaran batik di Kelantan. Sebahagian besar kain ini diperolehi oleh para pengusaha melalui

Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur, yang bergantung kepada bekalan daripada KIMA Sdn. Bhd. (PKKM 1081/2-1). Kebergantungan ini, digabung dengan ketidaktentuan bekalan, menjadi antara cabaran utama dalam memastikan kestabilan perusahaan batik tempatan.

Antara cabaran utama yang dihadapi pengusaha batik termasuk kekangan modal, kesukaran memperoleh bahan mentah, isu pasaran, kekurangan tenaga kerja, serta persaingan sengit daripada batik import dan batik tiruan.

Masalah Kekurangan Pekerja

Tenaga kerja merupakan komponen kritikal dan penting dalam perusahaan batik memandangkan proses pengeluaran batik melibatkan pelbagai peringkat, termasuk melakar corak, mewarna, menanggalkan lilin, membasuh dan mengeringkan kain sebelum batik siap sepenuhnya (Noor Haslina Mohamad Akhir & Normaz Wana Ismail 2015). Pekerja yang mahir dan cekap amat diperlukan bagi memastikan setiap proses ini dijalankan dengan lancar dan berkualiti. Dalam konteks ini, adalah penting bagi pengusaha memastikan tenaga kerja yang mencukupi dan berkualiti agar proses pengeluaran tidak terganggu. Penyediaan kadar upah yang kompetitif dan menarik juga perlu diberi perhatian sebagai insentif bagi mengekalkan pekerja dan melancarkan operasi perusahaan batik secara berterusan (Noor Haslina Mohamad Akhir & Normaz Wana Ismail 2015).

Namun begitu, minat dalam kalangan belia tempatan terhadap pekerjaan dalam industri batik semakin berkurangan, memandangkan ramai yang lebih cenderung untuk bekerja di kilang-kilang di luar Kelantan yang menawarkan peluang pekerjaan yang lebih menarik. Antara tempoh 1970 hingga 1979, purata tenaga kerja bagi sebuah perusahaan batik berskala kecil di Kelantan hanyalah antara 5 hingga 10 orang, iaitu jauh lebih rendah berbanding keperluan sebenar pengeluaran yang diperlukan oleh perusahaan tersebut (PEN-KN. 508/7). Situasi ini semakin memburuk selepas tahun 1990-an apabila lebih ramai belia tempatan berhijrah ke negeri-negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang untuk bekerja di sektor perkilangan elektronik dan tekstil yang menawarkan gaji bulanan sehingga 30 hingga 40% lebih tinggi berbanding industri batik (PEN-KN. 508/7). Kekurangan pekerja mahir bukan sahaja melambatkan tempoh pengeluaran, malah berpotensi menjejaskan kualiti produk akhir, seterusnya mengurangkan daya saing industri batik Kelantan di pasaran.

Bagi memastikan kelangsungan operasi, para pengusaha batik terpaksa merekrut pekerja dari kampung-kampung berhampiran. Bagi pekerja yang tinggal jauh dari lokasi kilang, pengusaha perlu menyediakan kemudahan pengangkutan (Noor Haslina Mohamad Akhir & Normaz Wana Ismail 2015). Perkara ini telah meningkatkan lagi kos operasi yang perlu ditanggung oleh pihak pengusaha batik. Selain itu, pengambilan pekerja juga banyak bergantung kepada jaringan sosial seperti rakan-rakan, saudara-mara dan kenalan sedia ada dalam kalangan pekerja (PKKM 1429). Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai keterbatasan kerana rangkaian sosial tersebut tidak cukup luas untuk menarik bilangan pekerja yang ramai. Kebergantungan kepada sumber tenaga kerja yang terhad ini menyebabkan proses pengambilan pekerja menjadi lambat dan tidak mampu menampung keperluan tenaga kerja yang semakin meningkat. Dalam rekod *'Perkampungan Batik'* ada dicatatkan bahawa: "Pengusaha batik mendakwa terdapat kekurangan pekerja dan terdapat kekhawatiran bahawa keadaan ini akan merosot" (PKKM 1429). Perkara ini menunjukkan bahawa isu kekurangan tenaga kerja ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengusaha kerana masalah ini boleh menjejaskan produktiviti dan kelangsungan perusahaan masing-masing.

Dari sudut dasar, Kerajaan Negeri dan agensi seperti MARA serta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memperkenalkan program dan kursus pembatikan bagi melahirkan tenaga kerja baharu (PEN-KN. 508/7). Walau bagaimanapun, kadar penyertaan masih rendah kerana golongan muda melihat industri batik sebagai sektor tradisional yang kurang menawarkan prospek kerjaya jangka panjang. Jika masalah ini tidak ditangani secara strategik, industri batik Kelantan berisiko mengalami kemerosotan produktiviti, kelembapan inovasi dan kegagalan menembusi pasaran antarabangsa. Justeru, pendekatan yang lebih komprehensif sangat diperlukan, dan antaranya adalah seperti tawaran upah kompetitif, insentif latihan, pengiktirafan kemahiran melalui sijil profesional dan

kempen kesedaran budaya bagi memastikan tenaga kerja mahir sentiasa mencukupi untuk menyokong kelangsungan industri ini.

Masalah Pemasaran dan Persaingan dalam Pasaran – Batik Luar dan Batik Tiruan

Dalam mana-mana industri, tahap kompetensi pasaran bergantung kepada keupayaan pengusaha memasarkan produk secara berkesan, menyesuaikan strategi mengikut perubahan cita rasa pengguna, dan bersaing dengan produk sejenis atau pengganti. Pasaran batik yang kompetitif memerlukan rangkaian pemasaran yang luas, kawalan terhadap harga, serta nilai kreativiti dan inovasi berterusan bagi mengekalkan minat pembeli (Wan Nor Jazmina Wan Ariffin et al. 2024; Norlelawaty Haron et al. 2014). Dalam konteks industri batik di Kelantan, cabaran ini menjadi semakin ketara apabila pengusaha tempatan berdepan dengan masalah pemasaran yang terhad, selain persaingan daripada pemasukan batik luar dan lambakan batik tiruan yang lebih murah. Ketiga-tiga cabaran ini bukan sahaja menjejaskan bahagian pasaran batik tempatan, malah melemahkan kedudukan pengusaha kecil dan sederhana yang masih bergantung kepada saluran pemasaran tradisional.

Dalam konteks pemasaran, khususnya dari segi cara produk batik sampai kepada pembeli melalui saluran pengedaran, terdapat dua kaedah utama yang lazim digunakan, iaitu secara runcit atau borong, dan melalui perantaraan orang tengah. Orang tengah yang dimaksudkan termasuk peniaga persendirian atau badan khusus seperti Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputera. Walau bagaimanapun, bagi kebanyakan pengusaha batik, kedua-dua kaedah ini tidak menunjukkan perbezaan ketara dari segi pulangan jualan. Hal ini kerana pemborong sering kali berperanan secara serentak sebagai orang tengah yang kemudiannya menjual semula kain batik tersebut kepada peruncit lain. Keadaan ini secara tidak langsung mengehadkan kawalan pengusaha terhadap harga dan strategi penyaluran produk, sekali gus mengekalkan pergantungan para pengusaha batik kepada pihak perantara (PKKM 1429).

Maka atas sebab itulah para pengusaha kecil dan sederhana perusahaan batik terpaksa bergantung kepada orang tengah dalam usaha memasarkan produk masing-masing (PKKM 1429). Menurut kajian oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (PPPM) terhadap perusahaan batik di Kelantan dalam tempoh 1970-an: “Pengusaha-pengusaha batek tradisional tidak mempunyai saluran pasaran sendiri yang terjamin. Oleh itu 86.2% dari mereka bergantung kepada orang tengah” (YPN.KN 106/1). Kebergantungan kepada orang tengah ini menyebabkan para pengusaha batik kurang berupaya untuk mengawal harga dan strategi jualan sendiri. Keadaan ini berlaku kerana para pengusaha batik mempunyai pengalaman pemasaran yang terhad seperti yang direkodkan dalam fail ‘*Perkampungan Batik*’ seperti berikut:

3.5.1. Pemasaran keluaran batik adalah melalui dua saluran iaitu melalui runcit/borong dan orang tengah. Walaubagaimanapun tidak ada beza bagi pengusaha batik kerana pemborong juga adalah orang tengah yang menjual kepada lain-lain peruncit. Pergantungan pengusaha kecil dan sederhana kepada orang tengah oleh kerana pengalaman pemasaran di kalangan mereka adalah terhad.

(PKKM 1429)

Kebergantungan kepada orang tengah ini, ditambah pula dengan saluran pengedaran yang terhad, menjadi penghalang besar untuk menembusi pasaran yang lebih luas. Keadaan ini semakin mencabar apabila jumlah pengusaha batik yang ramai, iaitu termasuk perusahaan-perusahaan yang tidak mempunyai lesen, telah menyebabkan persaingan semakin sengit. Seperti yang direkodkan dalam fail ‘*Perusahaan Batik*’:

Perusahaan batik merupakan satu perusahaan cottage yang terbesar sekali di Malaysia. Mengikut tinjauan yang dibuat oleh pihak pusat PKKM/Kota Bharu pada pertengahan tahun 1977, terdapat 120 bengkel pembatik-pembatik yang masih aktif menjalankan perusahaan batik. Adalah didapati lebih kurang 90% daripada pembatik-pembatik adalah dibuka tanpa mempunyai lesen. Dengan ini percambahan bengkel batik di Kelantan adalah tidak terkawal dan ianya mengikut

keadaan pasaran pada satu-satu masa. Lebih kurang 80% dari pengeluaran batik dari Negeri Kelantan adalah untuk pasaran tempatan ataupun dalam Malaysia sahaja. Adalah dianggarkan 20% sahaja pengeluarannya adalah untuk dieksport keluar negeri (YPN.KN 106/1).

Berdasarkan rekod tersebut, jumlah pengusaha batik yang tinggi telah mencetuskan persaingan sengit antara pengusaha berlesen dengan yang tidak berlesen dalam pasaran domestik yang terhad skala penawarannya. Keadaan ini bertambah rumit apabila para pengusaha batik tempatan turut berhadapan dengan persaingan daripada batik luar negara dan lambakan batik tiruan. Dalam pasaran yang kompetitif ini, faktor seperti lokasi pasaran, keadaan iklim, dan cita rasa pengguna turut memberi kesan langsung terhadap keuntungan atau kerugian yang ditanggung oleh para pengusaha batik di Kelantan (M.B. KN (0) 189).

Dalam konteks skala pasaran yang merangkumi peringkat domestik dan antarabangsa, pasaran kain batik dalam negeri sebahagian besarnya dikuasai oleh peniaga bukan bumiputera yang mengamalkan sistem upah yang tidak terkawal yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi pengusaha tempatan. Keadaan yang sama turut berlaku dalam pasaran luar negara, iaitu apabila golongan yang sama mendominasi dengan pendekatan pemasaran yang hampir sama. Dominasi ini memberi tekanan kepada pengusaha batik tempatan, kerana mereka terpaksa bersaing dalam keadaan kurang kawalan terhadap harga dan syarat pasaran, sekali gus melemahkan daya saing dan kelangsungan perniagaan mereka (M.B. KN (0) 189). Perkara ini direkodkan dalam fail '*Perusahaan Batik*' seperti berikut:

Pasaran dalam negeri adalah sebilangan besar daripadanya dipegang oleh bukan bumiputera. Peniaga-peniaga ini mengamalkan sistem upah yang tidak terkawal. Pasaran luar negeri juga dipegang oleh peniaga-peniaga ini yang juga mengamalkan sistem yang sama. Amalan sistem upah ini telah menyebabkan berlakunya gejala-gejala yang tidak sihat dimana peniaga-peniaga berlumba-lumba cuba mendapatkan batik yang kosnya murah bagi membolehkan mereka mendapat keuntungan dan membolehkan mereka memasuki pasaran luar negeri secara kompetitive. Gejala-ini telah menyebabkan kawalan atau mutu pengeluaran batik tidak terkawal kerana apabila upah murah, maka pembatik-pembatik yang terlibat berusaha untuk menghasilkan batik-batik dengan harga murah tanpa mengira/menghitungkan mutu pengeluaran (YPN.KN 106/1).

Jelaslah bahawa ketiadaan kawalan daripada pihak berwajib, sama ada Kerajaan Negeri mahupun agensi berkaitan, terhadap sistem upah ini telah mencetuskan pelbagai gejala tidak sihat. Antaranya termasuk persaingan tidak sihat dalam kalangan peniaga yang berlumba-lumba mendapatkan batik pada harga serendah mungkin demi meraih keuntungan maksimum dan menembusi pasaran luar negara secara kompetitif. Akibatnya, kawalan mutu terhadap pengeluaran batik menjadi lemah kerana pengusaha batik yang menerima bayaran upah rendah terpaksa menghasilkan batik pada kos yang minimum, sekali gus mengabaikan aspek kualiti produk (YPN.KN 106/1).

Dalam konteks persaingan dalam pasaran pula, perusahaan batik di Kelantan pada pertengahan kurun ke-20 berkembang dalam suasana pasaran tekstil Malaysia yang semakin terbuka kepada kemasukan produk luar, termasuk batik dari Indonesia dan kain bercorak moden dari Singapura. Kemasukan ini, bersama-sama dengan lambakan batik tiruan yang dihasilkan secara besar-besaran dan dijual pada harga lebih rendah, menimbulkan tekanan persaingan yang ketara terhadap para pengusaha batik tempatan. Cabaran ini bertambah rumit apabila pemasaran masih bergantung kepada saluran tradisional dan orang tengah, yang menghadkan keupayaan pengusaha kecil dan sederhana untuk bersaing secara berkesan.

Persaingan Batik Import

Persaingan daripada pengeluar luar negara menjadi salah satu faktor utama yang menggugat kedudukan industri batik tempatan. Kehadiran batik import, khususnya batik dari Singapura, dalam

pasaran tekstil Malaysia bukan sahaja menyaingi dari segi harga dan kuantiti, malah turut mempengaruhi cita rasa pengguna terhadap corak dan reka bentuk. Pada awal 1970-an, perusahaan batik Kelantan mencapai kemuncak kemajuannya apabila berjaya menembusi pasaran Singapura, yang pada ketika itu masih belum memiliki industri batik sendiri (YPN.KN 106/1). Namun, mulai tahun 1974, Singapura mula membangunkan industri batiknya sendiri dan mencatatkan kewujudan sebanyak 17 buah kilang batik, dan setiap kilang tersebut menggaji antara 60 hingga 300 orang pekerja (YPN.KN 106/1). Perkembangan pesat di Singapura itu dipengaruhi oleh kemudahan dalam mendapatkan bahan mentah yang murah dan mudah diperolehi, sekali gus membolehkan Singapura bukan sahaja menakluki pasaran domestiknya sendiri, tetapi juga berjaya menakluki pasaran Malaysia (YPN.KN 106/1). Perkara ini direkodkan dalam fail ‘*Perusahaan Batik*’ seperti berikut:

Tetapi sejak tahun 1974 hingga sekarang mengikut angka-angka tidak resmi Singapura mempunyai 17 kilang bateknya sendiri. Dengan jumlah 60 – 300 orang pekerja bagi satu kilang. Oleh kerana bekalan bahan-bahan mentah di Singapura boleh didapati dengan senang dan murah, Singapura telah berjaya menakluki pasarannya sendiri dan juga Malaysia. Pengeluar-pengeluar, tradisional tidak akan dapat menyaingi mereka. Merika [*sic*] mempunyai modal yang besar, pengusaha-pengusaha batek Singapura bukan saja dapat mengeluarkan hasil yang baik dan competitive, bahkan pula dapat menarik pekerja-pekerja batek mahir dari Kelantan sendiri dengan tawaran gaji yang lebih tinggi. Dari angka-angka tidak resmi sejumlah [*sic*] 1,000 – 1,200 pekerja [*sic*] kilang batek di Singapura itu adalah berasal dari Kelantan.

(YPN.KN 106/1)

Ternyata kemunculan industri batik di Singapura telah memberi tekanan besar kepada pengusaha batik di Kelantan, bukan sahaja kerana produk tersebut berjaya menembusi pasaran Malaysia, malah kerana keupayaannya menawarkan harga yang kompetitif. Lebih membimbangkan, kilang-kilang batik di Singapura menggaji sebahagian besar pekerja yang berasal dari Kelantan kerana mereka tertarik dengan tawaran gaji yang lebih tinggi berbanding di negeri asal (YPN.KN 106/1). Fenomena ini bukan sahaja memperhebatkan persaingan dalam pasaran, malah memburukkan lagi masalah kekurangan tenaga kerja mahir yang sudah sedia membelenggu perusahaan batik di Kelantan, sekali gus menjejaskan kapasiti pengeluaran dan daya saing pengusaha batik pada peringkat domestik.


Selain itu, para pengusaha batik di Kelantan turut berdepan persaingan sengit daripada batik import Thailand, atau *batik Siam*, yang dijual pada harga jauh lebih rendah (YPN.KN 106/1). Ketiadaan mekanisme kawalan import yang berkesan pada ketika itu membolehkan batik Siam membanjiri pasaran tempatan tanpa sekat tarif atau kuota, malah ada yang masuk melalui laluan tidak rasmi di kawasan sempadan (YPN.KN 106/1). Situasi ini memberi kesan langsung kepada corak pembelian pemborong dan peruncit yang lebih cenderung memilih batik import kerana margin keuntungan yang lebih besar berbanding batik tempatan. Tekanan harga ini memaksa pengusaha batik Kelantan menjual dengan margin keuntungan yang semakin mengecil, hingga ada yang tidak lagi mampu beroperasi secara lestari. Lebih memburukkan keadaan, kemasyhuran batik Siam dari segi reka corak, teknik pewarnaan, dan ketahanan fabrik sukar ditandingi, kecuali pengusaha tempatan dapat menghasilkan produk setanding dari segi kualiti dan harga (YPN.KN 106/1). Dalam jangka panjang, jika langkah perlindungan pasaran seperti tarif, pelabelan asal-usul produk, atau kawalan kualiti masih tiada, maka perkara ini bukan sahaja melemahkan daya saing batik tempatan, malah turut menghakis identiti industri batik Kelantan sebagai warisan budaya negeri.

Persaingan Batik Tiruan

Batik tiruan merupakan antara cabaran utama yang membelenggu perusahaan batik Kelantan sejak dekad 1970-an, apabila kemunculannya di pasaran tempatan telah menjejaskan permintaan terhadap batik tulen dan merendahkan nilai produk asli. Batik tiruan juga dikenali dengan nama batik *printing* dan perkara ini dapat dilihat dalam fail ‘*Perusahaan Batik*’ mengenai ancaman batik tiruan kepada perusahaan batik Kelantan seperti berikut:

Semua corak-corak dan warna batek tradisional telah di tiru [siri] oleh batek printing terutama sekali dari Pulau Pinang dan harganya lebeh murah dari batek tradisional. Batek ini dikeluarkan dengan cara 'mass' (YPN.KN 106/1).

Berdasarkan rekod di atas, didapati bahawa batik tiruan dihasilkan dalam jumlah yang besar, dan harga jualannya adalah jauh lebih murah berbanding batik tulen. Maka atas sebab itulah kemunculan batik tiruan dalam pasaran telah memberi saingan sengit kepada batik tulen. Dari rekod yang sama, didapati pihak yang sering meniru reka bentuk batik tulen bagi menghasilkan batik tiruan termasuklah pengusaha dari Pantai Barat seperti Pulau Pinang. Pada era 1960-an, permintaan terhadap batik yang dihasilkan melalui teknik lilin yang menghasilkan corak retakan halus yang kemudiannya lebih dikenali dengan istilah “batik retak seribu” pernah meningkat secara mendadak (Nikfarhana Zuhir & Rafeah Legino 2022). Kemudiannya diikuti pada 1970-an dengan kemunculan batik yang menggunakan teknik pelunturan warna, yang lazim dirujuk sebagai “batik discharge”, yang turut mendapat sambutan pasaran yang menggalakkan (Nikfarhana Zuhir & Rafeah Legino 2022). Walaupun kedua-dua istilah tersebut bukanlah nama khas bagi jenis batik tertentu, kedua-duanya digunakan secara meluas bagi merujuk kepada hasil rekaan yang terhasil daripada teknik pengeluaran masing-masing.



Gambar 6. Batik retak seribu.

Sumber: Manual Teknik Batik Retak Seribu. <https://online.anyflip.com/cffqk/ofpm/mobile/>




Gambar 7. Kain sarung batik tradisional (Teknik *Discharge*)

Sumber: Nikfarhana Zuhir & Rafeah Legino (2022)

Namun, tidak lama kemudian, permintaan terhadap kedua-dua jenis batik retak seribu dan batik *discharge* ini merosot ekoran kedua-duanya telah ditiru oleh pengusaha batik tiruan dan dijual

pada harga yang jauh lebih rendah. Ekoran isu batik tiruan ini, pihak Kerajaan Negeri Kelantan pada waktu itu menyuarakan kebimbangan akan risiko perusahaan batik tradisional di Kelantan akan lenyap dan perkara ini dicatatkan seperti berikut: “Emphasis: Kebimbangan batek tradisional diKelantan [*sic*] akan lenyap” (YPN.KN 106/1). Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan sewajarnya, warisan budaya serta sumber pendapatan masyarakat tempatan di Kelantan dalam perusahaan batik akan terjejas.

Batik tiruan lazimnya sukar dibezakan daripada batik tulen kerana penampilannya yang hampir sama, khususnya apabila corak, motif dan warna yang digunakan ditiru secara langsung daripada reka bentuk batik tradisional yang tulen. Corak-corak batik tulen yang menarik dan bermutu tinggi lazimnya mudah ditiru oleh pengusaha lain, sama ada dari dalam mahupun luar negara seperti Thailand. Pengusaha batik Siam dari Thailand merupakan antara penyumbang utama kepada pengeluaran batik tiruan di pasaran serantau (PKKM 1081/2-1). Menurut Afiqah Izzati Sobri dan Rafeah Legino (2020), Thailand banyak mengeksport batik tiruannya ke Malaysia, terutamanya di bahagian utara. Masalah batik tiruan ini menjadi lebih buruk apabila batik ini menerima sambutan hangat daripada kalangan pengguna tempatan kerana batik tiruan dikatakan lebih selesa dipakai, mudah didapati dan ditawarkan pada harga yang lebih rendah (YPN.KN 106/1).



Gambar 8. Contoh batik sarung tiruan buatan Thailand.
Sumber: Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino (2020)

Dalam menghadapi cabaran dan saingan batik tiruan ini, adalah penting bagi pengusaha batik tempatan untuk mengekalkan keaslian dan nilai seni batik tradisional yang masih berteraskan penghasilan buatan tangan, supaya warisan budaya tersebut terus dipelihara, daya saing produk tempatan meningkat dan penghargaan masyarakat terhadap seni batik asli dapat dipertahankan (Zainun Ishak 2021). Dalam keadaan yang mencabar ini, masih terdapat antara 20 hingga 30 buah kilang batik yang terus beroperasi di kawasan Kota Bharu dan sekitarnya menjelang akhir 1960-an dan awal 1970-an (Pauziah Abdullah 1983). Pengusaha kecil di kawasan luar bandar pula menerima bantuan daripada *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA), iaitu sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1952 dengan matlamat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar. Antara bentuk bantuan yang disalurkan termasuk bekalan kain putih, yang menjadi bahan asas penting dalam penghasilan batik (R.I.D.A. 7718).

Isu batik tiruan bukan sahaja merupakan masalah lampau, malah masih berterusan hingga ke hari ini. Dengan kemunculan pelbagai bentuk batik tiruan moden yang membanjiri pasaran, termasuk yang dihasilkan menggunakan teknologi cetakan digital, perkara ini terus mengancam kelangsungan industri batik tempatan (Bernama 2023). Batik tiruan lazimnya dihasilkan melalui kaedah mekanikal seperti penggunaan mesin atau teknik cetakan skrin, termasuk yang menyerupai batik skrin (Zainun Ishak 2021). Walaupun demikian, terdapat beberapa perbezaan ketara yang membezakan antara kedua-duanya. Dari segi visual, batik tiruan kelihatan lebih terang dan menarik pada bahagian luar, namun bahagian dalamnya cenderung kelihatan pudar atau suram. Hal ini demikian kerana pewarna yang digunakan dalam pembuatan batik tiruan ialah pewarna sintetik yang boleh diubah suai

kandungannya mengikut formula tertentu, dan tidak meresap ke permukaan kain bahagian belakang (Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino 2020). Perkara ini dapat dilihat seperti dalam Gambar 7 di bawah:



Gambar 9. Perbezaan pigmen antara permukaan luar dan dalam pada corak reka bentuk batik tiruan.

Sumber: Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino (2020)

Menurut Afiqah Izzati Sobri dan Rafeah Legino (2020), batik tiruan sangat menitikberatkan aspek warna. Semakin banyak warna digunakan, semakin meriah hasil batik tiruan yang dapat dihasilkan. Dengan ketersediaan pelbagai jenis pewarna, pengeluar batik tiruan dapat menghasilkan pelbagai variasi. Oleh sebab itulah, banyak batik tiruan dengan gabungan warna yang indah berjaya dihasilkan (Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino 2020). Selain itu, jalinan corak pada batik tiruan juga kelihatan seragam dan statik kerana rekaannya telah ditetapkan pada skrin cetakan, sekali gus mengurangkan unsur keunikan dalam setiap helai kain. Corak pada batik tiruan kelihatan kaku dan kurang ekspresif kerana kesan lilin, yang merupakan ciri utama batik tulen, tidak kelihatan pada bahagian belakang kain batik tiruan (Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino 2020).

Batik tulen yang dihasilkan secara manual melalui teknik seperti batik lukis dan batik terap (blok) mempunyai warna yang kelihatan lebih segar dan seimbang pada kedua-dua belah bahagian kain. Malah, kain batik tulen tidak mudah mengecut kerana telah melalui proses perebusan berulang-ulang kali semasa proses pembuatannya (Zainun Ishak 2021). Corak yang dihasilkan secara manual memberi sentuhan yang lebih hidup, bebas dan berseni, menjadikan setiap helai batik tulen mempunyai keunikan tersendiri. Aspek ini tidak mampu ditiru oleh batik tiruan walaupun menggunakan teknik canting atau teknik terap (blok) dengan warna yang sama (Zainun Ishak 2021).

Ringkasnya, liberalisasi perdagangan yang merangkumi perkembangan rangkaian pengangkutan, serta perluasan hubungan komersial antara negeri telah memudahkan aliran masuk pelbagai jenis tekstil, termasuk batik luar dari Indonesia dan kain bercorak moden dari Singapura. Pada masa yang sama, kemunculan batik tiruan yang dihasilkan melalui teknik cetakan mesin secara besar-besaran dan dijual pada harga yang jauh lebih rendah telah menggugat kedudukan batik tempatan, khususnya para pengusaha kecil dan sederhana. Oleh itu, pengusaha batik tempatan perlu menyesuaikan strategi pemasaran dan inovasi produk untuk memastikan kelangsungan dan daya saing dalam pasaran yang semakin kompetitif.

KEBANGKITAN PERUSAHAAN BATIK KELANTAN DALAM ARUS CABARAN, 1970–1982: PERANAN KERAJAAN DAN AGENSI SOKONGAN

Era 1970 hingga 1982 merupakan fasa perusahaan batik Kelantan berusaha bangkit semula walaupun masih bergelut dengan pelbagai isu dan cabaran yang berpunca daripada kemasukan batik import, persaingan batik tiruan, kekangan modal, masalah pasaran dan kekurangan tenaga kerja seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik sebelumnya. Kemasukan batik ela dari Jepun pada akhir 1960-an telah mencetuskan perbandingan kualiti, namun batik Kelantan tetap unggul dari segi ketahanan kain, kehalusan motif dan kesesuaian dengan cita rasa tempatan yang mengutamakan batik sarung sebagai pakaian harian (Pauziah Abdullah 1983). Kurangnya daya tarikan batik Jepun memberi ruang kepada kilang-kilang perusahaan batik lama untuk beroperasi semula, selain mendorong kemunculan kilang-kilang baharu yang kebanyakannya diasaskan oleh pewaris pengusaha terdahulu. Usaha kebangkitan ini disokong oleh pelbagai inisiatif kerajaan dan agensi berkaitan melalui penyediaan bantuan modal, program latihan kemahiran dan promosi pasaran, sekali gus menjadikan tempoh 1970 hingga 1982 sebagai salah satu era penting dalam sejarah perkembangan batik Kelantan (Pauziah Abdullah 1983).

Antara tokoh pengusaha yang paling menonjol dalam era perkembangan ini ialah Encik Mohd Salleh, iaitu adik kepada Encik Mohammad Yussof. Beliau menubuhkan syarikat Mohd Salleh & Sons pada tahun 1957, yang kemudiannya dikenali sebagai Syarikat Mohd Salleh selepas 1965. Sejak awal penubuhannya hingga awal 1970-an, syarikat ini mencatat pertumbuhan memberangsangkan dan berjaya menarik perhatian pengguna batik tempatan. Kepakaran dan komitmen Encik Mohd Salleh bukan sahaja menjadikannya tokoh utama dalam pemulihan industri batik Kelantan, malah menjadi satu figura teladan dalam kalangan pengusaha lain di negeri tersebut (Abdullah Mohamed 1990). Kejayaan beliau turut menarik perhatian pembesar tempatan dan luar negara, termasuk lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama Raja Permaisuri Agong pada 17 Julai 1971 bagi menyaksikan proses penghasilan batik di kilangnya. Setahun kemudian, pada 1972, kilang tersebut sekali lagi menerima lawatan berprestij daripada Ratu Elizabeth II, Duke of Edinburgh, dan Puteri Anne bersama rombongan diraja Britain, yang berpeluang menyaksikan demonstrasi seni membatik termasuk proses mencanting (Zainun Ishak 2021; Norlelawaty Haron et al. 2013).



Gambar 10 (kiri). Prince Philips Duke of Edinburgh melihat corak batik semasa lawatan ke kilang batik



Gambar 11 (kanan). Pasangan Diraja Britain, Queen Elizabeth II dan Prince Philips Duke of Edinburgh yang telah melawat ke kilang batik di Kota Bharu pada tahun 1974.

Sumber: Foto Ihsan: Encik Kamarozzaman Bin Mohamad Salleh yang dipetik daripada Norlelawaty Haron et al. (2013)

Pada tahun 1978, perusahaan membatik yang diasaskan oleh Encik Mohd Salleh telah diwarisi oleh anak-anak beliau, antaranya Alias bin Mohd Salleh dan Abdullah bin Mohd Salleh, yang seterusnya menubuhkan sebuah kilang batik di Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan. Perusahaan ini turut mendapat sokongan padu daripada ahli keluarga lain. Tidak lama kemudian, sebuah lagi kilang batik didirikan di Kampung Sireh yang diketuai oleh anak beliau, Shaari bin Mohd Salleh, dan dikenali sebagai Perusahaan Batik SAMASA Tiga (Zainun Ishak 2021). Penubuhan Syarikat SAMASA ini bertujuan mempertahankan keaslian seni batik tempatan. Semua ahli syarikat ini mewarisi kemahiran membatik daripada datuk, bapa saudara dan ayah mereka, serta bekerjasama secara kolektif dalam penghasilan pelbagai corak batik, dengan penekanan terhadap inovasi warna dan daya cipta seni (Zainun Ishak 2021).

Dalam tahun yang sama, iaitu 1978, seorang lagi anak Encik Mohd Salleh, iaitu Haji Kamaroz Zaman bin Mohd Salleh, turut mencipta kejayaan dalam bidang ini dan dilantik sebagai Pengarah Syarikat SAMASA Batik Sdn. Bhd. (Zainun Ishak 2021). Syarikat ini bukan sahaja mengendalikan kilang batik sarung dan batik ela, malah menubuhkan sebuah anak syarikat, SAMASA Pancakimia Sdn. Bhd., yang berperanan sebagai pengedar bahan pencelup di wilayah Pantai Timur. Produk batik keluaran SAMASA dipasarkan ke seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak (Zainun Ishak 2021). Syarikat ini juga mengoperasikan empat bengkel, iaitu tiga di Kota Bharu untuk penghasilan batik lukis dan batik terap, manakala satu lagi di Bachok untuk batik skrin. Kejayaan syarikat ini turut melahirkan beberapa usahawan dalam bidang batik, termasuklah Razali bin Arsat, yang lebih dikenali sebagai Razali Batik (Zainun Ishak 2021).

Pada akhir dekad 1970-an, batik halus pula diperkenalkan dan mendapat sambutan pasaran yang amat memberangsangkan (Zainun Ishak 2021). Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) cawangan Kota Bharu pada pertengahan tahun 1977, terdapat sebanyak 120 bengkel batik yang masih aktif di Kelantan (YPN. KN 106/1). Menjelang akhir tahun 1982, industri batik Kelantan mula berdepan kemerosotan permintaan ekoran kelembapan ekonomi negara, di samping kemasukan produk batik dari Thailand dan peningkatan aktiviti penghasilan batik tiruan (Abdullah Mohamed 1990). Keadaan ini memberi kesan ketara kepada perusahaan batik di Kelantan dan Terengganu, termasuk pengurangan tempahan daripada Batik Malaysia Berhad (BMB), yang memaksa ramai pengusaha mengecilkan tenaga kerja dan menghadkan pengeluaran. Sekiranya isu-isu ini tidak diberikan perhatian serius atau ditangani dengan langkah yang sewajarnya, ia berpotensi membawa kepada kemerosotan malah penamatan operasi.

Menurut Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merangkap Pengerusi Fiesta Seminar Batik, Profesor Dr. Farok Zakaria, pelbagai inisiatif boleh digerakkan untuk mengangkat semula industri batik agar mampu bersaing bukan sahaja pada peringkat tempatan, tetapi juga di pentas antarabangsa (Zainun Ishak 2021). Dalam konteks ini, peranan kerajaan dan agensi-agensi berkaitan adalah amat penting dalam menyediakan sokongan berstruktur kepada pengusaha batik, terutamanya dalam aspek pembiayaan, pembangunan kapasiti, promosi pasaran dan perlindungan terhadap produk tempatan.

Penubuhan Perkampungan Batik


Bagi menangani pelbagai permasalahan yang melanda industri batik di Kelantan, kerajaan bersama agensi-agensi berkaitan telah merangka beberapa langkah strategik. Salah satu inisiatif utama yang dicadangkan adalah penubuhan projek Perkampungan Batik di Kelantan, yang mula dirancang sejak tahun 1977. Antara lokasi yang dicadangkan untuk projek ini ialah daerah Tumpat (YPN.KN 106/1). Cadangan ini timbul susulan penemuan hasil kajian oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) yang mendapati mutu pengeluaran batik di Kelantan menunjukkan penurunan berbanding negeri-negeri lain (YPN.KN 106/1). Situasi ini dibimbangi akan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan industri batik tempatan dalam jangka panjang.

Kerajaan turut meneliti pelbagai isu yang menjejaskan pembangunan perusahaan batik di Kelantan, termasuk kekurangan bahan mentah, kenaikan kos input dan ketidaktentuan pasaran

(YPN.KN 106/1). Pada tahun 1979, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan permohonan pembiayaan kepada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek ini. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah dilantik sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab menguruskan projek berkenaan (PEN-KN. 508/7). Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama pelbagai pihak termasuk Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perusahaan Awam, Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan lain-lain bagi meneliti kesesuaian dan pelaksanaan penubuhan Perkampungan Batik tersebut (PEN-KN. 508/7). Sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan, satu rundingan telah diadakan antara Unit Perancang Ekonomi dan firma perunding SGV-Kassim & Chan bersama pihak kerajaan pada 27 April 1980 (M.B. KN (0) 246).

Menjelang tahun 1982, satu lagi cadangan dikemukakan untuk menubuhkan Perkampungan Batik di kawasan perusahaan Pengkalan Chepa. Projek ini bertujuan bukan sahaja untuk mempertahankan kedudukan industri batik tempatan, tetapi juga untuk meningkatkan mutu pengeluaran dan keupayaan bersaing dengan pengeluar batik dari luar negara. PKINK sekali lagi dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Dalam usaha merealisasikan cadangan tersebut, satu mesyuarat telah dijadualkan pada 29 Mei 1982 antara PKINK dan Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur (PKKM 1081/2-1). Menurut rekod, cadangan asal penubuhan Perkampungan Batik ini telah dikemukakan oleh persatuan tersebut seawal tahun 1977, sebagai respon terhadap kemerosotan industri batik tempatan akibat persaingan dari Singapura, kenaikan kos pengeluaran, dan kesukaran mendapatkan kain putih (PKKM 1081/2-1).

Penubuhan perkampungan ini dilihat sebagai langkah proaktif untuk memberikan nafas baharu kepada perusahaan batik di Kelantan agar setanding dengan pengeluaran dari negara jiran. Tambahan pula, keadaan kilang-kilang batik yang berselerak di seluruh negeri turut mendorong keperluan bagi mewujudkan satu kawasan berpusat yang dapat menempatkan dan menyelaraskan operasi perusahaan batik secara lebih sistematik (PKKM 1081/2-1).



Carta 3. Peratusan Pengusaha Batik Yang Berminat Terhadap Projek Perkampungan Batik.
Sumber: PKKM 1081/2-1 (1982)

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam Carta 3, hasil soal selidik terhadap pengusaha batik menunjukkan bahawa 32 peratus daripada responden menyatakan minat untuk menyertai projek Perkampungan Batik, manakala 34 peratus tidak berminat. Sebanyak 32 peratus lagi tidak dapat memberikan keputusan, dan baki dua peratus tidak memberikan sebarang jawapan. Dalam kalangan pengusaha yang berminat, minat tersebut didorong oleh pelbagai faktor, termasuk keadaan kilang sedia ada yang telah menimbulkan pelbagai masalah. Mereka juga menjangkakan bahawa penyertaan dalam perkampungan batik akan menawarkan pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan membasuh dan mengering kain, sistem perparitan yang lebih baik, serta kawalan terhadap pencemaran alam sekitar (PKKM 1081/2-1). Di samping itu, mereka turut mengharapkan kewujudan sebuah badan penyalaras yang bertanggungjawab dalam pengurusan bekalan bahan mentah dan tenaga kerja secara sistematik (PKKM 1081/2-1).

Sebaliknya, pengusaha yang tidak berminat menyertai projek ini berpendapat bahawa lokasi kilang mereka yang sedia ada sudah memadai dan sesuai untuk operasi semasa. Terdapat juga kebimbangan terhadap kemungkinan kekurangan tenaga kerja di lokasi baharu serta kekangan modal yang tidak mencukupi untuk proses perpindahan. Tambahan pula, beberapa pengusaha menyuarakan keraguan terhadap keberkesanan pengurusan perkampungan tersebut, yang menimbulkan rasa kurang yakin terhadap pelaksanaannya (PKKM 1081/2-1).

Pemakaian Batik Wajib Setiap Khamis dalam Kalangan Penjawat Awam

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan langkah mewajibkan pemakaian batik dalam kalangan penjawat awam bermula pertengahan Julai 2005, khususnya pada setiap 1 dan 15 haribulan setiap bulan. Namun begitu, arahan ini tidak terpakai kepada pasukan beruniform seperti Polis Diraja Malaysia. Selanjutnya, pada 9 November 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan surat pekeliling rasmi yang menetapkan pemakaian batik tempatan oleh penjawat awam pada setiap hari Khamis setiap minggu (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Pemakaian batik dalam kalangan pemimpin negara telah bermula sejak awal 1970-an, antaranya oleh Perdana Menteri ketika itu, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, yang mengenakan batik dalam majlis-majlis rasmi.

Selain sektor awam, syarikat penerbangan Malaysia (MAS) juga turut memperkenalkan batik sebagai uniform rasmi bagi kakitangannya, menandakan pengiktirafan terhadap nilai estetika dan budaya batik Malaysia. Pada era yang sama, penggunaan batik telah berkembang melangkaui pemakaian tradisional, apabila kain batik turut digunakan untuk pelbagai produk lain seperti sarung bantal, langsir, penutup dinding, beg duit dan beg kosmetik (Arney 1987). Langkah kerajaan ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap batik tempatan, sekali gus memberi kesan positif kepada pengusaha batik dari segi pemasaran dan keuntungan. Usaha kerajaan ini juga dilihat sebagai satu bentuk sokongan langsung terhadap pembangunan industri batik tempatan yang berasaskan warisan budaya dan kreativiti seni tekstil.

Peranan Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur (PPMPT)

Antara agensi yang memainkan peranan penting dalam menangani permasalahan industri batik di Kelantan ialah Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur. Sehingga tahun 1982, persatuan ini telah membantu seramai 281 pengusaha batik yang berdaftar di negeri Kelantan (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Ekoran kemerosotan perusahaan batik tempatan akibat kemasukan kain batik Siam secara haram, Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur telah mengambil inisiatif dengan menghantar surat rasmi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohammed bin Yaacob, Menteri Besar Kelantan ketika itu. Surat tersebut memaklumkan tentang usaha-usaha yang telah digerakkan oleh pihak persatuan untuk membanteras kemasukan batik Siam secara tidak sah ke negeri ini (M.B. KN (0) 189).

Sebagai langkah awal, persatuan telah mengedarkan surat pekeliling kepada ahli-ahlinya serta orang ramai bagi mendapatkan kerjasama dalam usaha membendung isu penyeludupan tersebut (M.B. KN (0) 189). Selain itu, melalui jawatankuasa khas yang ditubuhkan, persatuan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan daripada agensi penguatkuasaan, termasuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia Negeri Kelantan, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri (JKKN), Jabatan Imigresen, serta Lembaga Padi dan Beras Negara (Bahagian UPP, Kelantan). Perbincangan ini bertujuan mencari kaedah terbaik untuk menangani kemasukan batik Siam secara haram yang semakin berleluasa dan menjejaskan ekonomi tempatan (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014).

Sebagai hasil daripada pertemuan tersebut, pihak Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur telah menyeru pengusaha batik tempatan agar memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan batik Siam (M.B. KN (0) 189; Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Susulan tindakan ini, persatuan telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan agar pengimportan batik dari Thailand diharamkan, walaupun telah dikenakan cukai.

Cadangan ini telah diterima oleh pihak kerajaan dan pengharaman tersebut mula berkuat kuasa pada tahun 1982. Selain itu, persatuan turut mengusulkan agar kerajaan memberikan pengecualian duti import ke atas bahan mentah yang digunakan dalam perusahaan batik (Abdullah Mohamed 1990). Langkah ini diambil bagi mengurangkan kos pengeluaran dan memberi ruang kepada pengusaha tempatan untuk kekal berdaya saing dalam pasaran yang semakin mencabar.

Peranan Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan Berhad (KSPKB)

Penubuhan Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan Berhad (KSPKB) merupakan inisiatif yang ditaja oleh Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur dan telah didaftarkan secara rasmi di bawah Ordinan Koperasi 1948 dengan nombor pendaftaran 4872 pada 2 Ogos 1973 (JPK. KN. KOP/024/BHG.2). Penubuhan koperasi ini bertujuan untuk membantu pengusaha batik dalam mendapatkan bekalan bahan mentah secara berterusan dalam jangka masa panjang, di samping menyokong usaha memajukan perusahaan batik tempatan (Tengku Azura Tengku Alang 1995).

Koperasi ini juga ditubuhkan sebagai langkah strategik untuk mengatasi pelbagai permasalahan dan kemerosotan yang dihadapi oleh pengusaha batik, khususnya dari segi bekalan dan kos bahan mentah. KSPKB menjadi satu-satunya wakil sah yang mengedarkan kain putih dan bahan mentah melalui kerjasama dengan syarikat KIMA Sdn. Bhd. kepada para pengusaha yang menjadi ahli koperasi (JPK. KN. KOP/024/BHG.2). Barang-barang tersebut ditawarkan pada harga yang lebih murah setelah cukai jualan dimansuhkan, sekali gus memberi kelegaan kepada pengusaha kecil dan sederhana (Abdullah Mohamed 1990). Bagi memperkukuh operasinya, KSPKB turut menubuhkan beberapa jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab dalam aspek promosi dan pemasaran batik, penyediaan latihan serta penerangan berkaitan perusahaan, pengembangan industri, dan juga kebajikan ahli (JPK. KN. KOP/024/BHG.2).

Penubuhan koperasi ini turut membuka peluang kepada keluarga pengusaha batik untuk melibatkan diri secara langsung melalui pembelian saham dan pemberian dividen yang berpotensi meningkatkan taraf ekonomi mereka (Adnan Deraman 1995). Kain putih yang diimport dari negara luar seperti Indonesia, Pakistan, India dan China telah dibekalkan oleh KIMA Sdn. Bhd. kepada KSPKB melalui Pelabuhan Klang dan Kastam Johor Bahru (Abdullah Mohamed 1990). Jelaslah bahawa penubuhan KSPKB memainkan peranan penting sebagai penyokong utama pengusaha batik yang berdaftar, dan telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan mahupun sektor swasta sebagai satu pendekatan koperatif yang menyokong kelangsungan industri batik di Kelantan (Tengku Azura Tengku Alang 1995).

Peranan Batik Malaysia Berhad (BMB)

Batik Malaysia Berhad (BMB), yang ditubuhkan pada tahun 1968, merupakan salah satu entiti perniagaan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sebelum ini, BMB dikenali sebagai Malaysian Batik and Handicraft Berhad (MBHB). Penubuhan badan ini bertujuan untuk menumpukan perhatian khusus kepada aspek pemasaran dalam industri batik tempatan (Abdullah Mohamed 1990). BMB mempunyai beberapa cawangan di seluruh negara termasuk di Kelantan, dan berpusat di Kuala Lumpur. Antara peranan utamanya ialah membekalkan bahan-bahan asas seperti pewarna, lilin, dan kain putih kepada para pengusaha batik.

Selain pembekalan bahan mentah, BMB turut menyediakan bimbingan teknikal dan latihan dalam kaedah pembuatan batik yang betul kepada pengusaha (Adnan Deraman 1995). BMB juga memainkan peranan aktif dalam mempromosikan batik Malaysia di pasaran domestik dan antarabangsa. Sebagai tambahan, BMB turut menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam proses penghasilan corak batik bagi meningkatkan mutu dan kecekapan pengeluaran (Jasman Ahmad & Siti Razmah Idris 1996).

Ketika industri batik tempatan berdepan dengan kemerosotan, BMB telah mengambil langkah proaktif bagi memulihkan keadaan. Antaranya termasuk memasarkan batik Malaysia ke pasaran luar negara, khususnya Jepun, serta meneroka peluang baharu untuk penembusan ke pasaran global. Di

samping itu, BMB turut menjalankan fungsi kawal selia terhadap perusahaan batik bagi memastikan operasinya berjalan dengan teratur dan berdaya saing (Abdullah Mohamed 1990).

Peranan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) telah ditubuhkan pada tahun 1979 di bawah Akta 222, iaitu Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Sebelum penubuhannya secara rasmi sebagai perbadanan, entiti ini dikenali sebagai Pusat Kemajuan Kraftangan MARA (PKKM), dan kemudiannya pada tahun 1974 dinamakan semula sebagai Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia (LKM) (Abdullah Mohamed 1990). Selepas itu, operasinya telah diperluas dan dipindahkan ke negeri-negeri Kelantan dan Terengganu, yang menjadi antara pusat penting bagi pembangunan industri kraftangan tempatan, termasuk batik.

PKKM memainkan peranan penting dalam menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada pengusaha batik, khususnya golongan belia. Antaranya termasuk penyediaan latihan kemahiran, bantuan teknikal, serta khidmat nasihat kepada ahli-ahli koperasi dan pengusaha (Abdullah Mohamed 1990). Sebagai usaha menangani cabaran dalam industri batik, PKKM juga terlibat dalam kawalan aspek pemasaran dan peningkatan mutu pengeluaran batik tempatan. Di samping itu, perbadanan ini turut memberi penekanan terhadap latihan kepada bumiputera dalam pelbagai bidang kraf tangan, termasuk bidang pembuatan dan reka bentuk batik, sebagai sebahagian daripada strategi untuk memperkukuh daya saing industri kraftangan negara (Abdullah Mohamed 1990).

KESAN INISIATIF KERAJAAN DAN PERANAN AGENSI SOKONGAN TERHADAP PERUSAHAAN BATIK DI KELANTAN

Inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan dan peranan pelbagai agensi sokongan telah membawa impak yang signifikan kepada kelangsungan dan daya saing perusahaan batik di Kelantan. Misalnya, program penubuhan perkampungan batik telah berjaya mewujudkan satu pusat tumpuan industri batik yang membolehkan para pengusaha kecil dan sederhana beroperasi dalam ekosistem yang lebih tersusun dan kondusif. Langkah ini bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan mentah dan tenaga kerja mahir, malah turut memperkukuh jaringan kerjasama antara pengusaha, pembekal, dan pengedar, sekali gus menggalakkan pertukaran ilmu, teknik, dan pengalaman dalam kalangan pelaku industri. Tambahan pula, perkampungan batik ini menyediakan ruang untuk aktiviti latihan, demonstrasi seni membatik, dan promosi produk secara berkumpulan, yang secara langsung meningkatkan kualiti pengeluaran serta kemampuan pemasaran produk ke peringkat tempatan dan antarabangsa (PKKM 1081/2-1). Melalui struktur yang lebih teratur ini, pengusaha batik dapat mengurangkan risiko operasional, menyesuaikan strategi pengeluaran mengikut permintaan pasaran, dan mengekalkan kesinambungan warisan budaya batik Kelantan di samping meningkatkan daya saing ekonomi mereka.

Manakala inisiatif yang mewajibkan penjawat awam memakai baju bercorak batik pada setiap hari Khamis telah meningkatkan permintaan domestik secara konsisten (Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli 2014). Polisi ini berfungsi sebagai rangsangan pasaran dalaman yang stabil, mengurangkan kebergantungan kepada permintaan bermusim atau eksport semata-mata, di samping memperkukuh imej batik sebagai simbol identiti kebangsaan. Lebih daripada itu, polisi ini turut meningkatkan kesedaran dan penghargaan masyarakat terhadap batik tempatan, seterusnya menggalakkan penggunaan batik dalam pelbagai konteks sosial dan profesional. Dengan wujudnya permintaan tetap dalam kalangan penjawat awam, pengusaha batik dapat merancang pengeluaran dengan lebih teratur, mengekalkan mutu produk, dan memperluas rangkaian pemasaran mereka. Selain itu, polisi ini juga membuka ruang kepada aktiviti promosi dan pendidikan tentang nilai seni dan budaya batik, menjadikan batik bukan sekadar pakaian, tetapi satu lambang kebanggaan warisan budaya yang diiktiraf secara nasional (Arney 1987).

Melalui peranan Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur (PPMPT), hak dan kebajikan para pengusaha batik yang menjadi ahli adalah lebih terjamin kerana persatuan ini menyediakan platform advokasi bagi mendapatkan sokongan kewangan, latihan kemahiran dan peluang pasaran (Abdullah Mohamed 1990). Manakala kos operasi perusahaan batik boleh dikurangkan melalui pembelian bahan mentah secara pukal dan penawaran skim kredit yang memudahkan modal pusingan yang disediakan oleh agensi seperti Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan Berhad (KSPKB) (Tengku Azura Tengku Alang 1995). Malah pasaran batik tempatan dapat dibuat dalam skala besar hasil sokongan agensi Batik Malaysia Berhad (BMB) yang membantu memperluas pasaran, mempromosikan batik Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa, serta menjadi contoh model perniagaan korporat dalam industri tradisional (Jasman Ahmad & Siti Razmah Idris 1996). Akhir sekali, peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) menyumbang kepada peningkatan mutu pengeluaran melalui penyediaan latihan teknikal, rekaan inovatif dan pensijilan kualiti. PKKM juga berperanan dalam mempromosikan batik Kelantan melalui pameran, ekspo, dan misi dagangan luar negara, seterusnya memperkukuh jenama batik sebagai produk warisan yang berdaya saing (Abdullah Mohamed 1990).

Secara keseluruhannya, kesan gabungan inisiatif antara kerajaan dan agensi-agensi sokongan ini telah memperkukuh struktur industri batik Kelantan, meningkatkan kualiti dan kepelbagaian produk, serta mengembangkan pasaran tempatan dan antarabangsa, sekali gus memastikan kelangsungan warisan budaya yang kaya ini. Langkah-langkah strategik seperti penubuhan perkampungan batik, sokongan modal, latihan kemahiran, promosi produk dan dasar pemakaian pakaian batik Malaysia bagi penjawat awam telah mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pengusaha kecil dan sederhana, menggalakkan pertukaran pengetahuan, serta meningkatkan daya saing industri secara menyeluruh. Walaupun cabaran seperti persaingan daripada batik tiruan, kemasukan produk import dan kenaikan kos bahan mentah masih wujud, sokongan berterusan daripada kerajaan dan agensi-agensi sokongan ini telah memberi asas yang kukuh untuk perusahaan batik Kelantan terus berkembang secara lestari. Keupayaan pengusaha batik untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran, mengekalkan identiti warisan dan meningkatkan mutu pengeluaran menjadikan perusahaan batik Kelantan bukan sahaja relevan dari segi ekonomi, tetapi juga terus dihargai sebagai simbol budaya dan identiti nasional yang unik.

KESIMPULAN

Sejarah perkembangan perusahaan batik di Kelantan antara 1940-an hingga awal 1980-an memperlihatkan interaksi kompleks antara inovasi tempatan, sokongan pasaran dan cabaran persaingan batik dari luar. Secara keseluruhannya, perusahaan batik di Kelantan merupakan antara sektor perusahaan tradisional yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan dan nasional. Kejayaannya menembusi pasaran antarabangsa, khususnya dalam bentuk batik *ela* yang mendapat permintaan tinggi di Eropah dan Amerika Syarikat, menjadi bukti kepada keupayaan industri ini untuk bersaing di peringkat global. Sokongan permintaan dari dalam negeri serta limpahan pasaran pelancongan turut memberi momentum positif kepada pertumbuhan industri ini.

Sejarah perkembangan perusahaan batik di Kelantan menunjukkan satu kesinambungan yang dinamik sejak kurun ke-18, meskipun melalui beberapa episod kemerosotan akibat konflik politik dan dominasi batik import. Perusahaan batik Kelantan terus menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kekurangan modal, bahan mentah, akses pasaran, tenaga kerja, serta persaingan daripada batik tiruan dan batik import. Bermula pada dekad 1970-an, landskap industri batik Kelantan berubah secara ketara apabila batik tiruan yang dihasilkan melalui cetakan mesin mula membanjiri pasaran. Produk-produk tiruan ini, termasuk yang diimport dari luar negara seperti Thailand, dihasilkan dalam skala besar, menyerupai reka corak batik tulen, dan dipasarkan pada harga jauh lebih rendah. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan margin keuntungan pengusaha batik tempatan, malah mengubah pola permintaan pengguna yang lebih cenderung memilih produk murah walaupun mengorbankan nilai seni dan mutu kerja tangan tradisional.

Dalam jangka panjang, kemasukan batik tiruan telah memaksa sesetengah pengusaha tempatan menutup operasi atau menukar strategi pengeluaran, sementara yang lain cuba bersaing melalui

inovasi reka corak, penjenamaan semula, atau pengkhususan pada segmen pasaran tertentu. Kesulitan ini mendapat perhatian serius daripada kerajaan dan pelbagai agensi sokongan yang berkaitan. Agensi-agensi seperti Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur (PPMP), Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan, Batik Malaysia Berhad (BMB), dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) memainkan peranan penting dalam membekalkan bahan mentah, memperluas pasaran, meningkatkan mutu pengeluaran, serta membanteras kemasukan batik tiruan, seterusnya menyokong kelangsungan dan daya saing perusahaan batik di Kelantan. Dengan wujudnya sokongan berterusan daripada kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat, beban yang ditanggung oleh pengusaha batik di Kelantan dapat diringankan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tambahan wajar diambil, khususnya dalam memperketat kawalan terhadap kemasukan batik Siam melalui sempadan seperti di Pasir Mas dan Tumpat. Pada masa yang sama, pengusaha batik tempatan disarankan agar terus meningkatkan kreativiti, mengekalkan identiti tersendiri serta memastikan mutu pengeluaran berada pada tahap tertinggi agar industri batik Kelantan kekal lestari dan berdaya saing pada masa hadapan.

Ringkasnya, walaupun berhadapan dengan saingan daripada batik luar negara dan pengeluaran berteknologi tinggi, batik Kelantan kekal relevan kerana nilai keasliannya serta penghasilannya yang masih berasaskan teknik tradisional buatan tangan. Secara kesimpulannya, penulisan ini menunjukkan bahawa kelangsungan perusahaan batik Kelantan sangat bergantung kepada kebolehan pengusaha tempatan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan struktur pasaran. Walaupun inovasi kreatif menjadi pemacu utama perkembangan awal industri, persaingan sengit daripada batik tiruan merupakan faktor penentu yang mengubah trajektori industri ini dan membawa kepada kemerosotan dominasi batik tulen Kelantan di pasaran. Dengan kata lain, sejarah industri batik Kelantan memperlihatkan bahawa kekuatan tradisi dan kreativiti tidak dapat menjamin kelangsungan ekonomi tanpa strategi adaptasi yang efektif terhadap cabaran globalisasi dan perubahan tingkah laku pengguna.

RUJUKAN

- Abdullah Abd. Kadir Munsyi. 1960. *Kesab Pelayaran Abdullah*. Singapura: A. H. EDRUS.
- Abdullah Mohamed (Nakula). 1990. Batik Kita: Falsafah Motif-Motif dan Sejarahnya. Dalam Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, *Warisan Kelantan IX*, hlm. 13–43. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Adnan Deraman. 1995. Industri Batik dan Kesan Ekonomi Kepada Penduduk Setempat: Satu Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Geografi.
- Afiqah Izzati Sobri & Rafeah Legino. 2020. Imitation of Batik Sarong Design and Features. *Proceedings 5th International Conference on Science and Social Research* 5(SI3), 99–108.
- Arney, Sarah. 1987. *Malaysian Batik: Creating New Traditions*. Kuala Lumpur: The Malaysian Handicraft Development Corporation.
- B.A.K. 436/1934. Ask to Question of Remission of Trengganu duty on Kelantan Sarong Import into Trengganu.
- Bernama. 2023. Batik Malaysia: Jadilah jauhari yang mengenal manikam, elak ditipu terbeli tiruan. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/batik-malaysia-jadilah-jauhari-yang-mengenal-manikam-elak-ditipu-terbeli-tiruan-437709> [Diakses pada 13 Ogos 2025]
- Che Rahim Hussin dan Harozila Ramli. 2023. Keistimewaan Blok Batik Adiguru Mahadi Deraman di Kampung Talak, Tumpat, Kelantan. *Jurnal Peradaban Melayu* 12–21.
- Clifford, Hugh C. 1992. *Report of An Expedition into Trengganu and Kelantan in 1895*. Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society.
- Hanipah Husin, Ruziah Ali & Ahmad Yusairi Bani Hashim. 2011. *Batik: Lambang Warisan Teknologi dan Inovasi*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Jabatan Warisan Negara. 2020. *Laporan Tahunan: Warisan Tidak Ketara*.
- Jasman Ahmad dan Siti Razmah Idris. 1996. *Siri Dunia kraf Batik*. Petaling Jaya: Penerbit Pinang.
- JPK. KN. KOP/024/ BHG.2. 1973. *Syarikat Kerjasama Serbaguna Pembatek Kelantan Berhad*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.
- K 1192. 1948. *Petition Praying Permission to Erect A Batik Sarong Factory on Lot No. 199 Section 13- Kota Bharu Town*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.

- Manual Teknik Batik Retak Seribu. <https://online.anyflip.com/cffqk/ofpm/mobile/> [Tarikh akses 15 Ogos 2025]
- Maznah Mohamad. 1996. *The Malay Handloom Weavers: A Study of the Rise and Decline of Traditional Manufacture*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- M.B. KN (0) 189. 1982. *Perusahaan Batik*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.
- M.B. KN (0) 246. 1980. *Batik- Perusahaan Batik*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.
- Mohd Azhar Samin & Rafeah Legino. 2020. Characteristic of Local Pelangi Cloth Motifs. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 5(SI1)
- Mohd Zulkifli Mokhtar & Wan Nur Syahida Wan Ismail. 2012. Marketing Strategies and the Difference Level of Sales and Profits Performance of the Batik SMEs in Malaysia. *International Journal of Business and Management* 96–111.
- Nawwal Abdul Kadir. 2003. Satu Kajian Tentang Reka Corak Permukaan Kain Batik Sarung Tradisional di Negeri Kelantan. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Nikfarhana Zuhir dan Rafeah Legino. 2022. Batik Discharge Method is Keeping Traditional Batik Sarongs Alive. *Proceedings International Conference of Logistics and Transportation* 7(SI9), 421–425.
- Nik Yusnita Nik Ahmed. 2015. Sumbangan Che Su dan Keluarga Kepada Pembangunan Perusahaan Batik di Kelantan. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository. <http://umkeprints.umk.edu.my/5012/> [Diakses pada 14 Ogos 2025]
- Noor Arina Md Arifin, Siti Aishah Mokhtar, Syahrill Norizan Ahmad Fauzi & Wan Nur Nabila Nordin. 2024. Seni Tradisional Batik Sebagai Tunjang Warisan Negeri Kelantan. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia (JKLM)* 1–9.
- Noor Haslina Mohamad Akhir & Normaz Wana Ismail. 2015. Permasalahan dalam Pembangunan Industri Batik di Terengganu. *PROSIDING PERKEM* 10, 239–246.
- Noor Haslina Mohamad Akhir, Normaz Wana Ismail & Chakrin Utit. 2018. Malaysian Batik Industry Contribution Analysis Using Direct and Indirect Effects of Input-Output Techniques. *International Journal of Business and Society* 181–194.
- Norazilawati Abd Wahab & Arba'iyah Mohd Noor. 2013. Perkembangan Kegiatan Perusahaan Tekstil dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Terengganu, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 63–86.
- Norlelawaty Haron & Zuliskandar Ramli. 2014. Perkembangan Industri Batik di Kelantan pada Abad Ke-20 dan Abad Ke-21. Dalam Zuliskandar Ramli & Adi Baharudin, *Warisan Kelantan XXXIII*, hlm. 100-133. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Norlelawaty Haron, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Hasnira Hassan, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Ahmad Helmi Mohd Mokhtar & Noor Shahira Abu Bakar. 2013. Sejarah Perkembangan Industri Batik di Kelantan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.
- Norlelawaty Haron, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Hasnira Hassan, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Salina Abdul Manan & Mohd Shafiq Ali. 2014. Kajian Terhadap Penggunaan Bahan, Teknik Pembuatan dan Motif pada Blok Batik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu* (ATMA), UKM.
- Norlelawaty Haron, Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2015. Evolusi Perkembangan Blok Batik di Negeri Kelantan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.
- Nurulhuda Sulaiman. 2022. Kelestarian Industri Batik Canting di Kelantan: Etnomatematika pada Motif. *E-Prosiding Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://myscholar.umk.edu.my/handle/123456789/4535> [Diakses pada 29 Julai 2025]
- Nur Laila Liyana Yusoff. 2021. Kajian Motif Batik Kelantan dan Eksplorasi Ilusi Ruang dalam Penghasilan Karya Catan. Tesis Latihan Ilmiah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Pauziah Abdullah. 1983. Sejarah Perusahaan Batek. Dalam Khoo Kay Kim, *Warisan Kelantan* 2, hlm. 42–52. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- PEN-KN. 508/7. *Development of Small Scale Industries (Batik Village)(1970–1979)*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.

- PKKM 1429. 1979. *Perkampungan Batik*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- PKKM 1081/2-1. 1982. *Penubuhan Perkampungan Batik*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Report on The Unfederated Malay States (UMS) 1936*.
- R.I.D.A. 7718. 1966. *BATEK RESEARCH CENTRE @ KELANTAN*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Robinson, R. 2016. *Creative Batik*. Kent: Search Press.
- Sharifah Imihezri Syed Shaharuddin, Maryam Samirah Shamsuddin, Mohd Hafiz Drahman, Zaimah Hasan, Nurul Anissa Mohd Asri, Ahmad Amri Nordin & Norhashimah Mohd Shaffiar. 2021. A Review on the Malaysian and Indonesian Batik Production, Challenges, and Innovations in the 21st Century. *SAGE Open* 1–19.
- Sharulnizam Ramli, Sabzali Musa Kahn & Mohd Nuri Yaacob. 2018. Representasi Motif Batik Lukis di Negeri Pahang: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 201–222.
- Siti Aisyah Amilin Hassan & Muammar Ghaddafi bin Hanafiah. 2018. Teknologi Pemprosesan Batik Melayu di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana* 1–8.
- Siti Zawiyah Zakaria. 1996. *Siri Ekonomi Industri Membatik*. Kuala Lumpur: Pustaka Cita Tinggi.
- SUK. Kedah 3018/1353. Division of Expenditure in Respect of the Administration of the Textile (Quotas) Ordinance 1934.
- Swettenham, Frank A. 1895. *Malay Sketches*. London: Macmillan & Co.
- Syed Ahmad Jamal. 2007. *The Encyclopedia of Malaysia: Crafts and the Visual Arts*. Singapore: Archipelago Press.
- Tengku Azura Tengku Alang. 1995. Satu Tinjauan Perusahaan Batik di Kelantan: Sejauhmanakah Sumbangannya kepada Ekonomi Negeri Kelantan. Doctoral thesis, Universiti Malaya.
- Wan Hasniah Wan Hassan. 1999. Tekstil dan Pakaian Tradisional Kelantan. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya.
- Wan Nor Jazmina Wan Ariffin, Farah Syazrah Mohd Ghazalli, Zulayti Zakaria, Sakinatul Raadiyah Abdullah & Syed Mohamad Shahfiq Syed Mohd Suhaimi. 2024. Strategi Inovasi Industri Batik dalam Kelestarian Warisan Budaya dan Pemeraksanaan Ekonomi Ummah. *Global Journal Al-Thaqafah* 209–226.
- YPN. KN 106/1. 1978. *Perusahaan Batik*. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan.
- Zainira Salleh. 2007. Industri Batik di Kampung Penambang. Dalam Hanapi Dollah, *Warisan Kelantan XX*, hlm. 82–95. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Zainun Ishak. 2021. *Biografi Haji Kamaruz Zaman Bin Mohd Salleh: Keaslian Seni Batik Warisankeu*. Selangor: ZIT PUBLISHING.
- Zakiah Awang. 1983. Sejarah Perusahaan Batek. Dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, hlm. 77–88. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.